



20 MAC, 1985

*Dengan nama Allah yang
pemurah dan maha penyayang*

KEPENTINGAN MEMPELAJARI BAHASA MELAYU BAGI ORANG-ORANG BUKAN MELAYU

Kepentingan mempelajari bahasa Melayu bagi orang-orang Tionghua di negara ini adalah sudah jelas.

Seperti yang disebutkan baru-baru ini oleh Pengarah Pelajaran bahawa kepentingan tersebut bukan sahaja setakat memenuhi kehendak undang-undang dan peraturan-peraturan yang dikenakan oleh pihak berkenaan dari masa ke semasa tetapi yang lebih utama

ialah pengetahuan bahasa akan mempercepatkan pemahaman kebudayaan, adat resam dan nilai-nilai yang ada dalam masyarakat. Dan Pengarah Pelajaran juga menegaskan bahawa dalam konteks Negara Brunei Darussalam kepentingan bagi mereka itu mempelajari bahasa Melayu lebih-lebih lagi dirasakan kerana negara ini akan terus kekal menjadi sebuah negara Melayu Islam Beraja yang demokratik menurut Ahli Sunnah Wal-Jamaah.

Penegasan yang dibuat oleh Pengarah Pelajaran dalam ucapannya di majlis penutup Kempen Minggu Bahasa anjuran Dewan Perniagaan Tionghua baru-baru ini adalah penegasan yang sudah berulang-ulang kali dibuat oleh Kerajaan bagi perhatian orang-orang yang bukan keturunan Melayu, khasnya orang-orang Tionghua sama ada mereka itu sudah menjadi rakyat atau masih bertaraf penduduk tetap negara ini.

Kita percaya pemimpin masyarakat Tionghua telah mengambil perhatian kepada penegasan yang berupa seruan seumpama itu. Usaha-usaha mereka bagi menyedarkan masyarakat Tionghua mengenai hal itu sudahpun kelihatan terutama di peringkat murid-murid sekolah. Meskipun demikian usaha mereka itu setakat ini belum boleh dikatakan berpengaruh untuk menimbulkan kesedaran yang menyeluruh di kalangan segenap lapisan masyarakat mereka akan kepentingan mempelajari dan seterusnya mengamalkan bahasa Melayu. Kita mempunyai

sebab yang kuat untuk mengatakan sedemikian kerana baik pun dalam masa Kempen Minggu Bahasa Melayu yang mereka adakan ataupun selepasnya tidak terdapat tanda-tanda peningkatan penggunaan bahasa Melayu di kalangan mereka. Mungkin ini disebabkan tidak ada suatu objektif yang jelas yang sepatutnya disertai dengan sikap yang tegas mengenai penerimaan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi negara.

Objektif yang jelas yang kita maksudkan antaranya ialah penggunaan bahasa Melayu sebagai unsur dalam pembentukan identiti ke-Bruneian di samping adat resam serta kebudayaan orang-orang Brunei. Dalam pembentukan identiti itu adalah sangat mustahak ketegasan sikap menerima dan menghormati unsur-unsur yang sedia ada dan mengketarakannya tanpa bercampur-aduk dengan unsur-unsur serta sifat asing bagi identiti ke-Bruneian itu. Perkara ini sungguhpun memakan masa tetapi mestilah sepatutnya sudah lebih awal disedari. Kerana itulah penegasan mengenai kepentingan mempelajari dan mengamalkan bahasa Melayu itu berulang kali dibuat.

Sesungguhnya kepentingan mempelajari dan mengamalkan bahasa Melayu itu adalah berkaitan dengan aspirasi negara. Dalam zaman merdeka ini terutamanya kita sangat berhasrat mempunyai rakyat yang hidup dalam suasana keharmonian, keamanan dan kemakmuran. Untuk mencapai hasrat tersebut maka adalah amat

mustahak bagi rakyat dan penduduk yang bukan berketurunan Melayu, khasnya rakyat dan penduduk yang berketurunan Tionghua supaya akan dapat menyesuaikan diri dengan kehendak-kehendak dan aspirasi negara.

Dalam perkara bahasa Melayu mereka diserukan supaya mempelajarinya dengan bersungguh-sungguh dan terus-menerus serta mengunggulkannya pada setiap masa sebagai suatu bukti taat setia yang tulen dan sebenar-benarnya kepada negara ini, supaya mereka tidak akan dicurigai oleh rakyat Brunei yang terdiri daripada penduduk-penduduk tempatan. Dengan amalan yang demikian mereka akan dapat membuktikan yang mereka mempelajari bahasa Melayu bukan setakat hanya untuk mendapatkan taraf kerakyatan negara ini malahan menerima dan mengakui bahasa Melayu adalah bahasa rasmi negara dan mengunggulkannya pada setiap waktu. Seruan sedemikian sudah jelas meletakkan matlamat atau objektif yang sepatutnya sentiasa diambil kira.

Maka tepatlah seperti yang ditegaskan oleh Pengarah Pelajaran itu bahawa kepentingan mempelajari dan mengamalkan bahasa Melayu bagi masyarakat Tionghua lebih-lebih lagi dirasakan kerana negara ini akan terus kekal menjadi sebuah negara Melayu Islam Beraja — yang dalam makna itu semua pihak termasuklah masyarakat Tionghua mustahak akan berusaha menyesuaikan diri dengan kedudukan tersebut secara tegas tanpa sebarang kecurigaan.

Membaca Al-Quran untuk mengambil pelajaran daripadanya

Bismillahirrahmanirrahim

Terlebih dahulu saya dengan ikhlas mengucapkan terima kasih kepada Pengerusi dan Ahli-ahli Jawatankuasa Pertandingan kerana memberi penghormatan menjemput saya merasmikan Pertandingan Membaca Ayat-ayat Al-Quran Peringkat Separuh Akhir Kebangsaan ini.

Sebagaimana yang kita difahamkan bahawa pertandingan tahun ini adalah memasuki tahun ke-25 pertandingan membaca Al-Quran yang diadakan oleh kerajaan. Sesungguhnya dalam tempoh tersebut mutu pembacaan Al-Quran di negara ini telah meningkat. Mungkin kita dapat mengingat betapa dalam tahun-tahun permulaan dahulu pembaca-pembaca atau qari dan qariah dari negara kita yang bertanding di peringkat antarabangsa kelihatan tidak dapat menyanyi peserta-peserta daripada kebanyakan negara yang turut bertanding dan di dalam negeri sendiri pun pada masa dahulu itu kebolehan membaca Al-Quran secara yang sempurna dan menepati keperluan-keperluan pertandingan masih berada di tahap yang rendah. Tetapi alhamdulillah dengan berkat usaha kerajaan bukan sahaja menerusi pertandingan-pertandingan bahkan menerusi persekolahan dan pembelajaran lainnya, serta dengan berkat usaha gigih pelajar-pelajar yang berminat dan juga orang-orang dewasa termasuklah belia-belia yang gigih mengambil kesempatan dari peluang belajar yang disediakan dengan berguru kepada guru-guru yang pandai dan mahir maka mutu bacaan telah meningkat,

kebolehan dan kelayakan pembaca-pembaca untuk bertanding di semua peringkat telah semakin jelas dan ketara. Saya tidak payah mengulangi dengan panjang lebar untuk menyebutkan kejayaan qari dan qariah kita terutama sekali dalam tempoh 10 tahun terakhir di peringkat antarabangsa. Hal ini meyakinkan kita bahawa dari segi pembacaan kita mampu mencapai taraf yang diperlukan dan dengan yang demikian sebahagian daripada tujuan-tujuan ayat-ayat Al-Quran diturunkan oleh Allah s.w.t. boleh dan insya-Allah kita capai. Dalam pada itu kita hendaklah terus-menerus berusaha.

TUJUAN MEMBACA AL-QURAN

Mengenai pembacaan Al-Quran terdapat dua makna. Pertama pembacaan dalam makna 'tilawah' iaitu sebagaimana firman Allah dalam ayat 45 Surah Al-Ankabut: Utlu ma uhiya ilaika minal kitab.

Dan pembacaan dalam makna 'qira'ah' iaitu sebagaimana firman Allah dalam Surah Al-'Alaq: Iqra bismirabbikal lazi khalaq, yang pertama itu ialah bacaan untuk merentangkan pengajaran dan menyampaikan pelajaran Al-Quran dan membacanya untuk mempelajari serta memerhatikan isinya supaya menjadi pedoman dalam segenap lapangan. Sementara yang kedua ialah pembacaan biasa. Bagaimanapun dari segi pahalanya kedua-duanya itu adalah sama berpahala tetapi penting kita selalu mengambil-kira bahawa tujuan-tujuan pembacaan yang sempurna itu adalah termasuk untuk merentangkan pengajaran yang terkandung

di dalam Al-Quran dan membaca untuk merenung serta memerhatikan isinya bagi kita mendapat pimpinan dan hidayat Allah s.w.t. sebagaimana yang sepatutnya.

Maka sehubungan dengan tujuan tersebut saya sukacita mengambil kesempatan untuk merentangkan pengajaran-pengajaran yang terkandung di dalam sebahagian ayat-ayat yang akan dibacakan oleh qari dan qariah dalam pertandingan ini.

* Mengenai hukum halal-haram :

Allah s.w.t. melarang keras daripada mengada-adakan hukum dan aturan dengan nama Allah jika tidak berdasarkan keterangan yang datang daripada-Nya dan daripada Rasul-Nya. Kerana itu dalam perkara permakanan hukum melarang dari memakan bangkai iaitu binatang yang disembelih tidak mengikut syarak, memakan darah dan memakan daging babi serta binatang yang disembelih dengan nama lain dari nama Allah misalnya binatang yang dibuat korban untuk berhala dan sebagainya. Dalam masa yang sama permakanan halal mengikut syarak itu ialah juga permakanan yang baik yang tidak mendatangkan mudarat kepada tubuh-badan dan akal serta hati atau jiwa. Sebab itulah firman Allah mengenai hal ini menjelaskan :

"Dan makanlah rezeki yang diberikan Allah kepada kamu, secara halal dan baik," An-Nahli : 114.

* Mengenai mematuhi hukum Allah

Orang-orang beriman diperingatkan supaya menyahut dan memperkenan-

kan seruan Rasul yakni ajaran yang suci yang memberikan kepimpinan yang lurus serta memberikan mereka jiwa baharu, terlepas daripada ikatan dan pegangan ajaran sesat. Dengan menyahut atau mematuhi ajaran Allah yang disampaikan melalui Rasul itu mereka dapat membataskan diri daripada hawanafsu. Sebaliknya keengganan mematuhi ajaran-ajaran Allah akan membangkitkan fitnah-bencana yang akan menghuru-harakan masyarakat dan bangsa yang bahayanya tidak sahaja akan menimpa orang-orang yang berbuat zalim tetapi adalah menyeluruh ke atas segenap isi sesebuah negeri. Ini disebutkan di dalam Surah Al-Anfal ayat 24 dan 25. Sehubungan dengan itu Allah memerintahkan kepada orang-orang mukmin supaya kekal berpegang kepada ugama Allah dan jangan berpecah-belah. Perpecahan sesama mereka disifatkan oleh Allah seperti berada di jurang api neraka. Sebaliknya mereka hendaklah menjadi suatu umat yang menyeru ke arah kebajikan dan menegah kemungkaran. Dengan sikap sedemikian itu mereka dijamin oleh Allah akan beroleh dan mencapai taraf umat yang berjaya sebagaimana firman Allah dalam Surah Ali 'Emran ayat 193 dan 104.

* Melaksanakan hukum Allah :

Allah memerintahkan kepada orang-orang mukmin supaya menjalankan hukum-hukum Allah dalam mengadili pihak-pihak yang bertelingkah. Dalam hubungan itu mereka hendaklah jangan membela orang-orang yang khianat. Dalam hal memelihara amanah pula, orang mukmin diperintahkan supaya ber-

BERIKUT ialah ucapan YDM Pehin Udana Khatib Ustaz Awang Haji Badaruddin bin Pengarah Hj. Othman, Pengarah Penerangan semasa merasmikan Pertandingan Membaca Al-Quran Peringkat Separuh Akhir Kebangsaan pada 16 Mac, 1985 di padang KBRIC.

sikap jujur dan lurus iaitu jujur memelihara barang yang diamanahkan dan lurus ketika mengembalikannya kepada yang memberi amanah. Ini sama dengan perintah menyeru mereka menjalankan keadilan dalam bidang kehakiman.

Dan hal ini dihubungkan dengan perintah mentaati Allah, mentaati Rasul dan mentaati ulil-amri (orang-orang atau pihak-pihak berkuasa dari kalangan orang-orang mukmin). Maka dalam keadaan berbangkit pertelingkahan mengenai sesuatu urusan hendaklah mereka merujuk kepada hukum Allah dan sunnah Rasulullah. Cara ini berlainan sekali dengan cara orang-orang yang mendakwa mereka beriman tetapi terus-menerus reda berhubung kepada hukum Thagut yakni patung-patung berhala dan apabila mereka diseru berhubung kepada hukum Allah maka orang-orang munafik akan mengada-adakan berbagai-bagai helah dan halangan, mereka tidak sudi dan tidak gemar melihat orang-orang mukmin yang menyeru ke arah hukum-hukum Allah. Terhadap orang-orang munafik yang sedemikian itu maka orang mukmin disuruh tegas, jangan lemah semangat dan jangan mudah terpedaya sampai melupakan matlamat yang terkandung dalam perintah-perintah Allah. Orang-orang mukmin hendaklah berani membantah sikap serta perbuatan orang-orang munafik yang mengadakan helah dan halangan bagi pelaksanaan

hukum-hukum Allah. Hal ini terkandung dalam ayat 58 hingga 65 Surah An-Nisa.

TEGAS DENGAN PEGANGAN

* Mengenai perhubungan dengan orang yang berlainan ugama :

Allah mengingatkan orang-orang mukmin bahawa dalam perhubungan mereka dengan orang-orang yang berlainan ugama mereka hendaklah jangan berkeadaan lemah dan suka terpengaruh kepada ugama orang lain. Orang-orang mukmin tidak selayaknya akan terpengaruh sebab mereka sedia mempunyai pegangan dan kepimpinan iaitu kepimpinan Rasulullah s.a.w. Sebaliknya mereka hendaklah mempastikan yang mereka akan terus dalam ugama Allah sehingga ke akhir hayat. (Surah Ali 'Emran ayat 100 hingga 102 dan ayat 117 hingga 120). Dalam perhubungan mereka dengan Ahlul Kirah iaitu orang-orang Nasrani dan Yahudi maka orang-orang mukmin hendaklah jangan berbantah-bantah dengan mereka itu melainkan secara yang baik jua, kecuali terhadap orang-orang yang zalim dari kalangan mereka itu maka orang-orang mukmin hendaklah tegas dengan pegangan mereka, hendaklah tidak terpengaruh dan turut-turutan dengan cara serta perbuatan orang-orang yang zalim dari kalangan Yahudi dan Nasrani itu semata-mata atas nama berbaik-baik. (Surah Al-Ankabut : 46).

Lihat muka 8

YANG DIMULIAKAN PEHIN DATU SERI MAHARAJA MENULIS... Siri ke-269

Orang-orang Mulhid menyara hidup mereka melalui mulut mereka dengan menggunakan Sastera Arab

DIRIWAYATKAN oleh Al-Imam-Imam Sa'id bin Mansur dalam Sunannya, Ahmad dalam Al-Musnad, dari hadis sahabat Sa'ad Abi Waqqas Radhiyallahu 'Anhu telah berkata: "Tidak bersabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam yang bermaksud: 'Tiada bangkit hari kiamat sehingga keluar suatu golongan manusia, mereka makan dengan lisan mereka, sebagaimana lembu makan dengan lisannya.'"

Orang-orang Mulhid bangsa Arab sangat sukakan bahasa Arab, tetapi bukan kerana sukakan orang Arab dan kebangsaan Arab, bahkan bangsa Arab yang dibesar-besarkan oleh mereka dalam pidato mereka, dalam rencana karangan mereka, dalam karangan buku-buku mereka hanya kerana cari makan dan hidup dengan kesempatan melalui bahasa Arab itu, sebagaimana perkhbaran Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam di atas tadi.

Orang Orientalis mengaji betul-betul ilmu Islam bagi memerangi agama Islam dan berlawan dengan orang bodoh dalam agama

daripada umat Islam bagi mendatangkan kesamaran-kesamaran yang sukar dijawab oleh orang Islam yang bodoh-bodoh itu.

Diriwayatkan oleh Al-Imam Al-Hakim dan katanya hadis itu menurut syarat Al-Imam-Imam Al-Bukhari dan Muslim dan diriwayatkan juga Al-Imam At-Tabrani dari hadis sahabat Abi Hurairah telah berkata yang bererti: "Akan datang kepada umat saya suatu zaman banyak padanya pembaca-pembaca (bagaimana sekarang banyak pandai orang Islam membaca buku) dan kurang padanya orang-orang Fiqh yang fahamkan hukum halal haram (kerana banyak sangat mata pelajaran moden dalam sekolah-sekolah dan sedikit ilmu Fiqh atau tiada orang-orang mengaji hukum-hukum Fiqh hanya sedikit-sedikit jua sehingga hendak dijadikan pegawai-pegawai masjid seperti nuja, siak, bilal dan imam pun tiada orang yang layak) dan diangkat (dihapus) Ilmu Uqama dengan dimatikan ulama Islam, dan banyak pembunuhan (seperti mati ahli Ilmu Islam dari pondok-pondok dan santarin-santarin yang memper-tahankan agama, tanahair masa penjajahan), kemudian datang suatu zaman dibaca Quran oleh orang-orang daripada umat saya tiada lebih masuk dari batang halkum mereka (mereka tiada dapat manfaat dari Quran yang dibaca itu), kemudian lepas itu datang suatu masa, orang yang menyekutukan Allah

ATEISMA

Siri kelima

Orang Orientalis memusuhi Quran dan Memusuhi Mekah dan memusuhi ahli-ahli Tasauf

DIRIWAYATKAN oleh Al-Imam At-Tabrani dalam Al-Mu'jamul Kabir dari hadis sahabat Abdullah bin 'Amru bin Al-'As bahawa Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam telah bersabda yang bererti: "Bahawa demi Allah Taala akan mengukuhkan Islam dengan orang-orang yang mereka bukan daripada orang Islam."

Diriwayatkan oleh Al-Imam Ibnu Hibban dalam Al-Shahih, Ad-Duulabi dalam Al-Kuna dan Abu Nu'im dalam Al-Hilyah dari hadis sahabat Anas, dan Al-Imam Al-Imam Ahmad dan At-Tabrani dari hadis sahabat Abi Bakr, kedua-duanya daripada Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam telah bersabda yang bererti: "Bahawa Allah Taala menyokong agama ini (Islam) dengan orang daripada kumpulan-kumpulan yang tiada ada nasib baik di akhirat yakni orang kafir."

Suatu tanda besar kudrat Allah dan suatu ajaib kejadian Allah, dan suatu perkara yang nyata dari

rahsia-rahsia Allah, dan suatu mukjizat kepada Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, maka orang oriental yang memusuhi Islam dan bersungguh-sungguh mencari jalan bagi menghapuskan Islam dan berbelanja besar dengan kawan-kawan mereka, dan menyerang negeri-negeri Islam dengan tujuan itu, tetapi mereka juga dengan keadaan permusuhan itu berkhidmat kepada Islam dengan mencap (mencetak) kitab-kitab Uqama Islam, dan lebih ajaib musuh mereka yang besar ialah Al-Quran, tetapi mereka mencap Al-Quran dengan cap yang bagus kemudian musuh mereka yang kedua ialah Mekah Al-Mukarramah tempat berhimpun segala bangsa umat Islam dari seluruh dunia tiap-tiap tahun dan mereka bersungguh-sungguh hendak menghapuskan kedua-duanya itu, tetapi mereka menyediakan kapal-kapal dan segala kemudahan supaya umat Islam dapat ke Mekah Al-Mukarramah, sekiranya tiada dengan sebab mereka menyediakan kapal-kapal laut, motorak, dan kapal terbang maka sukarlah orang-orang Islam pergi ke Mekah pada zaman sekarang ini. Kemudian bersungguh-sungguh pula mereka memerangi ahli Tasauf dan ulama Tasauf, kerana dengan sebab mereka dapat tersiar agama Islam di dunia, dan di antara penduduk-penduduk

yang tiada beragama, ialah sebab ahli Tasauf itu bergerak di antara orang musyrikin, sungguhpun begitu, mereka pula sangat-sangat menghormati makam-makam wali-wali Allah dan menyuruh orang-orang Islam mendirikan perayaan tahun-tahun bagi wali-wali Allah itu, dan mereka membelanjakan wang kerana itu, ini didapati di dalam negeri-negeri Islam di Afrika. Perbuatan itu telah dikhabarkan oleh Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam sebagaimana dalam hadis-hadis yang di atas ini yakni agama Islam itu tersiar dengan pesat di tengah-tengah Benua Afrika itu dengan ada banyak ahli Tasauf datang ke tempat-tempat dan ke kampung-kampung orang Afrika yang tiada mempunyai agama itu, dengan tujuan berniaga dan menyiarkan Islam di tempat-tempat dan kampung-kampung orang musyrikin yang kosong dari agama Allah itu sebagaimana pondok-pondok dan santarin di Tanah Jawa Indonesia dan surau-suru di tanahair supaya menyemai dan menyerapkan semangat Islam di antara orang Islam beberapa kurun sehingga zaman kita ini, bagaimana saya lihat santarin itu di Jawa Tengah pada tahun 1958.

WALLAHUAKLAM

Peraduan menulis makalah sempena 25 tahun pertandingan membaca Quran

Jabatan Hal Ehwal Uqama kini sedang menganjurkan peraduan menulis makalah dan cerpen sempena memperingati 25 tahun Peraduan Membaca Al-Quran Dewasa Peringkat Kebangsaan terbuka kepada penulis-penulis tempatan.

Menurut pihak penganjur, di samping memperingati 25 tahun Peraduan Membaca Al-Quran peraduan menulis ini juga bertujuan menggalakan penulis tempatan bergiat dalam bidang penulisan yang berunsur keagamaan sambil memperbanyakkan bahan bacaan tempatan.

Tema tulisan hendaklah berdasarkan kepada tema Peraduan Membaca Al-Quran Dewasa Peringkat Kebangsaan tahun ini iaitu AL-QURAN ASAS PENDIDIKAN YANG SEMPURNA. Panjangnya tidak kurang dari 3000 patah perkataan bagi makalah dan 2000 patah perkataan bagi cerpen.

Para penulis bolehlah

memilih tajuk makalah mereka sendiri dari tajuk-tajuk yang disediakan oleh pihak penganjur seperti di bawah ini:

- * Kewajipan Mempelajari dan Mengajarkan Al-Quran.
- * Kesan-Kesan Peraduan Membaca Al-Quran Selama 25 Tahun Di Negara Brunei Darussalam.
- * Sejarah Ringkas Pelajaran Al-Quran di Negara Brunei Darussalam.
- * Cara-Cara Pengajaran Al-Quran Yang Berkesan.
- * Al-Quran Sumber Ilmu Pengetahuan Yang Sempurna.
- * Bagaimana Mengambil Faedah Pendidikan Dari Al-Quran.
- * Falsafah Ilmu Pendidikan Dalam Surah Luqman.

* Tafsir Al-Quran: Pertumbuhan dan Perkembangannya.

* Sebab-sebab Al-Quran diturunkan Secara Beransur-ansur.

* Al-Quran Sebagai Mukjizat Yang Agung.

* Menghayati Islam dengan Petunjuk Al-Quran.

Enam hadiah penghormatan dan penghargaan akan diberikan kepada makalah dan cerpen terbaik. Bagi makalah, pemenang pertama akan menerima wang tunai sebanyak \$2,000.00, kedua \$1,500.00 dan ketiga \$1,000.00 serta tiga hadiah penghargaan \$500.00 tiap-tiap satu.

Bagian cerpen pula pemenang pertama akan menerima wang tunai sebanyak \$1,500.00, kedua \$1,000.00 dan ketiga \$750.00 juga tiga hadiah penghargaan

masing-masing bernilai \$300.00.

Borang dan keterangan lanjut mengenai peraduan itu boleh didapati dari

Nasyid separuh akhir 18 pasukan akan bertanding

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pertandingan Nasyid sempena Sambutan Israk Mikraj bagi peringkat separuh akhir akan diadakan pada 24 Mac 1985 ini bertempat di Dewan Maktab Perguruan Uqama Seri Begawan, Batu 1½ Jalan Tutong, mulai jam 8.00 pagi.

Seramai 18 buah pasukan nasyid dari seluruh negara akan bertanding pada hari itu, iaitu 8 buah pasukan nasyid mewakili Daerah Brunei dan Muara, 4 buah pasukan mewakili Daerah Tutong, 4 buah pasukan dari Daerah Belait dan 2 buah pasukan mewakili Daerah Temburong. Dari pasukan-

Setiausaha peraduan, Tingkat 3 (Bilik no. 413), Jabatan Hal Ehwal Uqama, Bandar Seri Begawan dan hendaklah di kembalikan tidak lewat dari 18 Mei depan.

pasukan nasyid tersebut 9 buah daripadanya adalah kumpulan nasyid perempuan. Pasukan-pasukan yang akan bertanding pada hari itu adalah diminta untuk hadir ke Dewan Maktab tersebut sebelum pukul 7.30 pagi untuk menjalani undian.

Sementara itu, sebanyak 8 buah pasukan yang menang di dalam pertandingan tersebut iaitu 4 buah pasukan lelaki dan 4 buah pasukan perempuan akan terpilih untuk memasuki ke pertandingan peringkat kebangsaan yang akan diadakan di Dewan Raya Radio Televisyen Brunei pada 17 April 1985 mulai jam 8.30 malam.

Penuntut Maktab Teknikal lawat Penerangan

BANDAR SERI BEGAWAN. — Seramai 10 orang penuntut-penuntut Maktab Teknikal Sultan Saiful Rizal telah mengadakan lawatan singkat ke Jabatan Penerangan Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan pada 12 Mac lepas.

Mereka dialu-alukan dengan ucapan ringkas oleh Pegawai Penerangan Awang Haji Junaidi OKSN Haji Md Safar. Ini diikuti dengan taklimat berkenaan dengan susunan pentadbiran Kerajaan Negara Brunei Darussalam oleh Awang Yusof Ladi, Penolong Pegawai Penerangan.

Rombongan pelawat yang diketuai oleh Awang Abd Latif Abu Bakar dan Awang Omar Judin juga telah berpeluang beramah mesra dengan YDM Pehin Udana Khatib Ustar Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Haji Othman, Pengarah Penerangan.



PENUNTUT-penuntut lelaki yang khatam Quran pada hari tersebut.

Majlis Khatam Al-Quran

BANDAR SERI BEGAWAN. — Majlis Khatam Al-Quran yang berasingan bagi penuntut-penuntut lelaki dan perempuan Maktab Perguruan Ugama Seri Begawan telah berlangsung pada pagi Ahad lepas.

Majlis bagi penuntut-penuntut lelaki telah

berlangsung di surau maktab tersebut dan tetamu kehormatnya ialah Dato Paduka Awang Haji Mohd Ali bin Haji Mohd Daud, Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri.

Sementara itu juga di majlis yang sama isteri beliau Datin Hajjah Norani binti Haji

Mohd Hussien, telah menjadi tetamu kehormat bagi penuntut-penuntut perempuan dan ianya berlangsung di dewan maktab tersebut.

Hadir di majlis itu termasuklah guru-guru maktab tersebut, ibu-ibu bapa serta penjaga-penjaga penuntut.

Membaca Al-Quran untuk mengambil pelajaran daripadanya

Sambungan dari muka 2

Dalam perhubungan dengan orang yang berlainan agama itu orang-orang mukmin hendaklah sentiasa mengingat bahawa Allah telah menjadikan masing-masing umat dengan caranya yang tersendiri dalam beribadat. Tetapi cara peribadatan orang Islam adalah cara yang lurus, sebab itulah mereka diserukan untuk mengajik orang lain mengikut cara yang lurus itu.

LUPA DARATAN

*** Mengenai kebinasaan suatu umat :**

Dalam Surah Mariam, ayat 51 hingga 65 Allah mengkhabarkan perihal orang-orang yang diberi-Nya kurnia yang terdiri daripada nabi-nabi dan zuriat Adam dan seterusnya generasi-generasi umat yang beriman kepada Allah dan patuh kepada hukum Allah. Tetapi generasi selepas mereka ialah generasi yang lupa daratan, meninggalkan sembahyang dan menurukkan hawa-nafsu. Mengenai generasi yang terkemudian itu Allah memberitahu bahawa mereka pasti akan menemui kebinasaan, kecuali orang yang bertaubat, teguh beriman dan berbuat amal salih — mereka itu terselamat.

Sehubungan dengan itu dalam Surah Al-Anbia, ayat 11 hingga 15 Allah s.w.t. mengkhabarkan pula perihal negeri yang melakukan kezaliman yakni penduduk-penduduknya berbuat angkara dan makiat. Mereka itu telah dibinasakan dan digantikan dengan bangsa lain. Mereka cuba beralih dan kemudian menyesali diri sendiri tetapi sudah terlambat. Dan mengenai kebinasaan sesuatu bangsa atau umat itu, dalam ayat 112 Surah An-Nahli, Allah s.w.t. telah mengkhabarkan tentang sebuah negeri yang aman tenteram, rezekinya limpah

ruah dari segenap tempat, tetapi bangsanya tidak bersyukur terhadap nikmat Allah, lalu Allah telah mendatangkan kepada mereka bencana yang berupa kelaparan dan ketakutan, malapetaka dan huru-hara.

PENGAJARAN DARI KEMENANGAN

*** Erti sesuatu kemenangan bagi umat Islam :**

Dalam Surah Al-Fathi, ayat 1 hingga 6, Allah telah mengkhabarkan perihal kemenangan orang-orang Islam di zaman Rasulullah s.a.w. ke atas orang-orang musyrikin menerusi Perjanjian Hudaibiah. Perjanjian tersebut dengan sendirinya merupakan pengiktirafan oleh orang-orang musyrikin terhadap orang-orang Islam, terhadap identiti dan cara hidup yang baharu yang berlainan daripada cara serta identiti jahiliyah. Dan seterusnya kemenangan berupa pembukaan Mekah dan menghapuskan saki-baki syirik dan jahiliyah. Peristiwa itu bertujuan memberi pengajaran bahawa setiap kemenangan yang Allah berikan kepada orang-orang Islam adalah bertujuan bagi membolehkan orang-orang Islam mendapat kepunahan Allah dari apa-apa yang terdahulu dan terkemudian. Ini bermakna supaya mereka mempergunakan kemenangan itu kuasa dan sebagainya bagi mengukuhkan serta menyempurnakan pegangan mereka kepada Allah untuk tujuan-tujuan yang diredai-Nya dan di atas landasan serta cara yang lurus.

Demikianlah antara beberapa petikan pengajaran daripada sebahagian ayat-ayat yang akan dibacakan dalam pertandingan ini. Mudah-mudahan kita sekalian akan mengambil pengajaran daripadanya dan

akan memerhatikan isinya supaya dapat dijadikan pedoman.

Khususnya mengenai pengajaran yang terakhir tadi iaitu mengenai erti sesuatu kemenangan yang diperolehi oleh orang Islam maka hal itu dapat dihubungkan dengan pencapaian semula kemerdekaan negara kita. Ia tidak syak lagi adalah suatu kemenangan di mana kita menguasai kembali sepenuhnya kedaulatan. Maka sesuai dengan pengajaran Allah itu maka hendaklah kemenangan yang kita capai berupa kemerdekaan itu akan dipergunakan dengan sebaik-baiknya bagi mengukuhkan lagi pegangan kita kepada Allah. Dan alhamdulillah kita telah menandakan kesediaan untuk berbuat sedemikian terutama sekali dengan menegaskan tekad serta hasrat bahawa mulai 1 Januari 1984 negara kita Brunei Darussalam insya-Allah dan dengan izin Allah, akan buat selama-lamanya kekal menjadi sebuah negara Melayu Islam Beraja yang Merdeka, Berdaulat, Demokratik bersendikan kepada ajaran-ajaran agama Islam menurut Ahli Sunnah Wal-Jamaah dan dengan berasaskan keadilan dan amanah dan kebebasan, dan dengan petunjuk serta keredaan Allah s.w.t. jua akan sentiasa berusaha pada memperolehi ketenteraman dan keselamatan, kebajikan serta kebahagiaan bagi rakyat, dan demikian juga pemeliharaan perhubungan persahabatan di kalangan antarabangsa atas dasar saling menghormati terhadap kemerdekaan, kedaulatan, persamaan dan keutuhan wilayah bagi semua negara yang bebas dari campur tangan asing.

Negara kita yang sudah turun-temurun sebagai negara Melayu Islam Beraja

SKPN untung lebih seratus ribu ringgit

BERAKAS. — Syarikat Kerjasama Pengangkutan Nasional (SKPN), telah mendapat keuntungan sebanyak \$111,432.56 sejak ianya memulakan perniagaan dalam bulan Mei — Oktober tahun lepas.

Jumlah tersebut dibentangkan dalam mesyuarat agungnya bertempat di Dewan Kuliah Stadium Negara Hassanah Bolkiah baru-baru ini, yang mana dalam mesyuarat itu ahlinya juga telah memben-

tangkan kertas-kertas laporan kewangan enam bulan pertama syarikat itu.

Beberapa perkara juga telah dibincangkan di mesyuarat tersebut termasuk pemodelan dan pinjaman daripada bank-bank.

Berbagai projek jangka panjang SKPN turut dibincangkan, seperti memajukan tanah tol seluas 4.5 ekar di Kampong Menglait yang mana di situ akan didirikan sebuah stesen minyak disel khusus bagi kegunaan syarikat tersebut.

Selain daripada itu, di situ juga akan didirikan sebuah bengkel rawatan bagi lori-lori syarikat serta rumah-rumah pekerja syarikat.

Pengerusi SKPN, Awang Haji Abdul Hafidz bin POKL Haji Abdul Rajak dalam ucapan alu-aluannya merasa kesal kerana terdapat syarikat-syarikat perseorangan yang mempunyai permit lesen kenderaan bermotor telah "mengalibabkan" lesen mereka kepada bangsa-bangsa asing.

Beliau juga berkata setengah-setengah pemilik lori persendirian mengenakan tambang-tambang yang rendah disebabkan kos pentadbiran mereka yang rendah dan kadang-kadang langsung tidak ada, disebabkan lori tersebut seolah-olah dimiliki oleh pemandu itu sendiri yang terdiri daripada orang-orang asing sedangkan yang sebenarnya hanyalah tinggal pada nama saja.

Untuk itu beliau berharap agar pihak-pihak yang berkenaan akan dapat mengambil langkah-langkah berkesan kepada mereka yang menyalahgunakannya serta melanggar syarat-syarat tersebut.

Seminar kesan alat tiruan

BERAKAS. — Satu seminar setengah hari telah diadakan Januari lalu oleh Bank Amerika Cawangan Brunei bagi mengesan alat jual beli tiruan.

Seminar itu diadakan ekoran dari penggunaan Traveller's cheque dan wang palsu yang menjadi masalah yang makin serius di negara ini.

Mr. Bruno J. Cornelio, Pengurus dan Naib Yang

Dipertua Bank Amerika berserta dua orang jurucakap telah mengendalikan seminar tersebut yang meliputi perkara-perkara keselamatan ringgit Amerika, Singapura, Negara Brunei Darussalam dan Malaysia.

Ianya juga telah menyentuh mengenai alat pengesan barang tiruan, keselamatan Travellers' Cheque Bank of America, dan bank-bank yang mempunyai hubungan dengannya.

Shell anjur peraduan fotografi

BANDAR SERI BEGAWAN. — Syarikat Pemasaran Shell Brunei Sendirian Berhad kini sedang menganjurkan peraduan fotografi slide berwarna bagi tahun 1985.

Peraduan tersebut terbuka kepada seluruh penduduk Negara Brunei Darussalam. Borang-borang penyertaan boleh diperolehi di Pejabat Pemasaran Shell Brunei di ibu negara, Stesen Minyak Roxana, Seria dan di kedai-kedai fotografi seluruh negara.

Butir-butir lanjut mengenai dengan peraduan itu boleh didapati dari Awang Ibrahim bin Haji Jumaat dan Dayang Hasnah binti Haji Azari di Bandar Seri Begawan telefon 21728 dan 21729.

Borang-borang penyertaan yang telah diisi dengan lengkap hendaklah dihantar tidak lewat dari 16 Ogos 1985.



AWANG Haji Abdul Mokti bin Haji Mohd. Daud Timbalan Pengarah Kebajikan Belia dan Sukan, ketika menerima sekeping cek bernilai \$3,000 yang disampaikan oleh Awang Jemat bin Haji Ampal. Gambar oleh Awang Rabae Sabli.

PENYAMPAIAN sekeping cek yang bernilai \$3,000 sumbangan dari Persatuan Meluncur Angin Negara Brunei Darussalam telah berlangsung di Jabatan Kebajikan Belia dan Sukan

pada hari Isnin lepas untuk Tabung Anak-anak Cacat bagi Daerah Brunei dan Muara.

Cek tersebut telah disampaikan oleh Yang Dipertua

Persatuan Meluncur Angin, Awang Jemat bin Haji Ampal kepada Timbalan Pengarah Kebajikan Belia dan Sukan, Awang Haji Abdul Mokti bin Haji Mohd. Daud.

 sudut **Royal Brunei**

900 AHLI SUKAN ASEAN DIANGKUT OLEH DIRAJA BRUNEI

BERAKAS. — Penerbangan Diraja Brunei telah mengatur beberapa penerbangan sewa khas dan tempahan kumpulan bagi mengangkut lebih 900 orang ahli sukan dari negara-negara ASEAN dan pegawai-pegawainya ke Pesta Sukan Merdeka.

Diraja Brunei yang memainkan peranan utama dalam pengelolaan sukan ini akan menerbangkan ahli-ahli sukan dan pegawai-pegawainya ke negara ini dalam masa dua hari sebelum hari pembukaan dan menerbangkan pulang dua hari selepas hari penutupnya.

Untuk persiapan itu, Diraja Brunei telah menubuhkan satu jawatankuasa kecil bagi mengawasi dan memastikan menyelaraskan pengendalian

barang dan pengangkutan pergi-balik dari lapangan terbang.

Operasi yang digelar sebagai 'Operasi Sukan' oleh kakitangan syarikat itu melibatkan enam sewa khas dan satu penerbangan tambahan, selain dari beberapa tempahan berkumpulan. Peserta-peserta juga akan dibawa melalui rangkaian penerbangan berjadual yang menghubungkan Negara Brunei Darussalam dengan semua negara ASEAN.

Pesta Sukan Merdeka dijangka akan disertai oleh seramai seribu orang ahli sukan terbaik negara-negara ASEAN. Ianya bermula pada 24 Mac hingga 31 Mac depan. Selain dari mengambil sempena Kemerdekaan

Negara Brunei Darussalam Pesta Sukan Merdeka bertujuan untuk memupukkan perasaan muhibah di antara ahli-ahli sukan negara ini dengan ahli-ahli sukan negara ASEAN yang lain.

KUALA BELAIT. — Pejabat Penerbangan Diraja Brunei di Kuala Belait telah pindah ke Tingkat Dua Bangunan Bank Hong Kong and Shanghai di sini untuk meningkatkan perkhidmatan kepada orang ramai dan agen pelancongan.

Pejabat baru itu telah dibuka rasmi oleh Pegawai Daerah Belait, Awang Haji Puasa bin Orang Kaya Seri Pahlawan Tudin. Antara yang hadir ialah pegawai-pegawai Kerajaan dan agen-agen pelancongan.



AWANG Haji Puasa bin Orang Kaya Seri Pahlawan Tudin, Pegawai Daerah Belait (3 dari kanan) memerhatikan pengendalian komputer bahagian tempahan.

Pejabat Diraja Brunei di Kuala Belait berpindah ke Bangunan Bank Hongkong

Pengurus Umum Diraja Brunei, Pengiran Tengah bin Pengiran Dato Paduka Haji Metassim dalam ucapannya berkata, pembukaan pejabat baru itu adalah pertanda mustahaknya Daerah Belait kepada penerbangan tersebut, dan permulaan kepada peningkatan perwakilannya di masa-masa akan datang.

Pejabat baru itu mempunyai kakitangan terdiri dari Penyalia Kanan Tempahan,

pegawai-pegawai tempahan dan Bilik Persidangan. Majlis pembukaan rasmi diakhiri dengan bacaan Doa Selamat oleh Imam Haji Zainal bin Idris.

Derma untuk anak-anak cacat

BERAKAS. — Pasukan Rally Diraja Brunei baru-baru ini menderma sebahagian dari wang hadiah kemenangan mereka dalam Rally ASEAN kepada kanak-kanak cacat.

Kanak-kanak cacat itu juga telah diberi peluang menyaksikan Diraja

Brunei/Muda Seri Mazda 323, kenderaan yang digunakan dalam Rally ASEAN, Pasukan Pembantu Landrover, serta berkenalan dengan Colin Jackson dan John Henderson serta John Davies dan Hue Yu Nang dari Pasukan Pembantu.



TERIMA SURAT TAHNIAH

BERAKAS. — Timbalan Pengerusi Syarikat Penerbangan Diraja Brunei, Yang Amat Mulia Pengiran Laifa Kanun Diraja Pengiran Bahrin bin Pengiran Haji Abas telah menyampaikan surat tahniah sebagai wakil peribadi Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibol Mal

Pengiran Muda Jefri Bolkihah, Pengerusi RBA kepada kakitangan RBA yang telah menghadapi kerosakan enjin di Kota Kinabalu pada bulan Disember tahun lalu.

Upacara penyampaian surat-surat tahniah itu telah berlangsung di Bilik Latihan Bangunan DCA di Lapangan

Terbang Antarabangsa Berakas di sini.

Mereka yang menerima surat-surat tahniah itu terdiri dari Kepten Mike Fox, Sydney Cann, Dk. Normah binte Pengiran Osman, Dk. Normah binte Pengiran Muda Hashim, Dayand Daisy Ho Shuck Eng dan Awang Anuar bin Haji Isa.



COLIN Jackson menyerahkan derma tersebut kepada Dayang Zaleha bte Haji Mohiddin, Pegawai Kebajikan.

RANCANGAN

PIHAK Radio Televisyen Brunei berhak untuk menukar mana-mana jua rancangan yang difikirkan perlu tanpa memberitahu terlebih dahulu.

TV MINGGU INI

HARI RABU 20 MAC

- 4.15 PEMBUKAAN
- 4.17 AL-QURAN DAN MARI KITA BERDOA
- 4.27 SUSUNAN RANCANGAN
- 4.30 DORIS
- 4.40 WILD KINGDOM :
"Tale of The Fox"
- 5.10 IT'S YOUR MOVE
- 5.40 SUPERFRIENDS
- 6.00 BERITA AWAL
- 6.05 SUPERFRIENDS — sambungan
- 6.20 TEKA TEPAT
- 6.36 AZAN MAGHRIB
- 6.46 TEKA TEPAT — Sambungan

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
- 7.15 REMINGTON STEELE :
"Love Among The Steele"
Laura dan Remington ingin mengetahui rahsia romantik dan jahat mengenai sebuah kereta "vintage" yang nyaris melanggar mereka berdua. Pembunuhan dan kehilangan berjuta ringgit barang-barang kemas, ada dikaitkan dengan sejarah kereta itu. Setiap orang dari empat mereka yang pernah memilikinya mempunyai rahsia untuk disembunyikan. Di samping itu juga Laura dan Steele masih meneruskan perhubungan romantik mereka.
- 7.47 AZAN ISYAK
- 7.51 REMINGTON STEELE — sambungan
- 8.15 WARTA BERITA
- 8.35 LIPUTAN NASIONAL
- 9.05 FORUM : "Kesesakan Jalan Raya"
- 10.15 ROAD TO WEMBLEY :
"Blackburn Rovers lwn Manchester United"
- 10.50 NEWHART : I Enjoy Being A Guy"
- 11.20 SIARAN TAMAT.

HARI KHAMIS 21 MAC

PETANG

- 4.15 PEMBUKAAN
- 4.17 AL-QURAN DAN MARI KITA BERDOA
- 4.27 SUSUNAN RANCANGAN
- 4.30 SESAME STREET
- 5.30 FAT ALBERT AND THE COSBY KIDS
- 6.00 BERITA AWAL
- 6.05 CAMP WILDERNESS :
"Family Animal"
- 6.25 CHOCKY'S CHILDREN
Setelah setahun Chocky meninggalkan Matthew kehidupan keluarga Gore mulai pulih seperti biasa tetapi orang-orang yang tidak dikenali mulai mengintip perubahan mereka melalui telefon.
- 6.35 AZAN MAGHRIB
- 6.45 CHOCKY'S CHILDREN — sambungan

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
- 7.15 THE A TEAM :
"Say It With Bullets"
- 7.46 AZAN ISYAK
- 7.50 THE A TEAM — sambungan
- 8.15 WARTA BERITA
- 8.35 HIDAYAT
- 9.05 DUNIA MINGGU INI
- 9.50 NATIONAL GEOGRAPHIC :
"Rainforest"
- 10.50 THREE'S COMPANY :
"Furley V Furley"
Jack dan Janet mahukan apartment mereka dibaiki. Mr Furley bersetuju tetapi tidak mempunyai wang. Desakan kepada Bart, abangnya yang empunyaanya tidak berhasil menyebabkan Furley dibuang kerja tetapi Cindy mempunyai satu idea.
- 11.20 TAYANGAN GAMBAR :
"The Family Rico"
Seorang ketua sindiket jenayah menghadapi masalah kasih sayang terhadap saudara lelakinya yang berpaling tadah dan kesetiannya kepada organisasinya. Pelakon-pelakon: Ben Gezzara, James Farentino, Saltineo, Joe Van Fleet, dll.
- 1.00 SIARAN TAMAT.



KESESAKAN jalan raya boleh menimbulkan kesan-kesan buruk seperti berlakunya kemalangan jalan raya dan berlakunya kelambatan yang sekaligus dapat merugikan majikan disebabkan masa pekerja banyak terbuang di jalan raya yang sibuk dan sesak. Untuk buraiannya selanjutnya, ikutilah Forum TV malam ini yang bertajuk 'Kesesakan Jalan Raya' yang akan disertai oleh dua orang penal undangan, Hajjah Safiah binti Hassan dan Pg Mohd Yunus bin Pg Haji Besar dengan dipengerusikan oleh Awang Badar Mohd Ali.

HARI JUMAAT 22 MAC

TENGAH HARI

- 12.00 PEMBUKAAN
- 12.02 AL-QURAN DAN MARI KITA BERDOA
- 12.13 SUSUNAN RANCANGAN
- 12.15 CERAMAH UGAMA
- 12.30 SIARAN LANGSUNG SEMBAH-YANG FARDU JUMAAT DARI MASJID OMAR ALI SAIFUDDIN BANDAR SERI BEGAWAN.

PETANG

- 1.25 THE YEARLING :
"Long Way Home"
- 1.40 THE LIVING PLANET :
"The Open Ocean"
Lebih dari 70 peratus permukaan bumi kita ini adalah ditutupi oleh air. Rancangan ini memaparkannya dari berbagai aspek—dari dataran yang "tenggelam" hingga kepada "gunung ganang" yang terdapat di dasar lautan.
- 2.30 HE-MAN AND THE MASTER OF THE UNIVERSE : "Dawn Of Dragon"
- 3.00 KONONNYA :
"Bapa Yang Kejam"
- 3.25 WEBSTER
- 3.50 AZAN ASAR
- 3.54 WEBSTER — sambungan
- 4.00 CANDID CAMERA
- 4.30 PHYSICS IN ACTION (Ulangan)
- 4.55 PUPPY'S FURTHER ADVENTURE
- 5.15 PROFILES OF NATURE :
(Rancangan baru) "The Beaver"
- 5.45 TOWARDS 2000
- 6.00 BERITA AWAL
- 6.05 TOWARDS 2000 — Sambungan
- 6.15 TEKA TEPAT
- 6.35 AZAN MAGHRIB
- 6.45 TEKA TEPAT — sambungan

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
- 7.15 AUTOMAN :
"Death by Design"
Automan menyamar menjadi seorang polis memakai nama Mad Dog untuk menangkap seorang "hit man" dari satu sindiket yang bertanggungjawab atas kematian kawan baik Jack di samping menghentikan pengintipan ke atas satu perniagaan fesyen.
- 7.46 AZAN ISYAK
- 7.50 AUTOMAN — sambungan
- 8.15 WARTA BERITA
- 8.35 DARI MIMBAR MASJID OMAR ALI SAIFUDDIN
- 8.45 LIPUTAN NASIONAL
- 9.15 MUTIARA
- 9.50 HARDCASTLE AND McCORMICK : "The Homecoming" Bhg. 2
- 10.45 DALLAS : "Family"
Jamie sangat mesra dengan keluarga Ewing. J.R. ingin pengenalan lebih lanjut tetapi Sue Ellen meyakinkan

bahawa Jamie adalah salah seorang ahli keluarga mereka.

11.45 SIARAN TAMAT.

HARI SABTU 23 MAC

PETANG

- 4.15 PEMBUKAAN
- 4.17 AL-QURAN DAN MARI KITA BERDOA
- 4.27 SUSUNAN RANCANGAN
- 4.30 SESAME STREET
- 5.30 DUNGEONS AND DRAGON :
"Valley Of The Unicorns"
- 6.00 BERITA AWAL
- 6.05 BRITANNICA'S PHENOMENAL WORLD : "Of All The Nerves"
- 6.25 I DREAM OF JEANNIE :
"Guess Who's Going To Be A Bride?" Bhg. II
- 6.35 AZAN MAGHRIB
- 6.45 I DREAM OF JEANNIE — Sambungan.

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
- 7.15 KNIGHT RIDER :
"Knight By A Nose"
- 7.46 AZAN ISYAK
- 7.50 KNIGHT RIDER — sambungan
- 8.15 WARTA BERITA
- 8.35 LIPUTAN NASIONAL
- 9.05 TAYANGAN GAMBAR INDONESIA : "Cinta Pertama"
- 10.35 AMERICAN MUSIC AWARDS 1985
- 1.35 SIARAN TAMAT.

HARI AHAD 24 MAC

PAGI

- 9.00 PEMBUKAAN
- 9.02 AL-QURAN DAN MARI KITA BERDOA
- 9.12 SUSUNAN RANCANGAN
- 9.15 GRAMMY AWARDS 1985

TENGAH HARI

- 12.15 TAYANGAN GAMBAR : "Running"
- 12.32 AZAN ZUHUR
- 12.36 TAYANGAN GAMBAR — sambungan
- 2.00 UPACARA PEMBUKAAN RASMI PESTA SUKAN MERDEKA DAN PERLAWANAN BOLASEPAK (Siaran Langsung Dari Stadium Negara)
- 3.50 AZAN ASAR
- 3.55 UPACARA PEMBUKAAN RASMI PESTA SUKAN MERDEKA DAN PERLAWANAN BOLASEPAK P.S.M. — sambungan
- 6.00 BERITA AWAL
- 6.05 FOUL-UPS, BLEEPs AND BLUNDERS
- 6.35 AZAN MAGHRIB
- 6.45 FOUL-UPS, BLEEPs AND BLUNDERS — Sambungan

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
- 7.15 COVER UP : "Nothing To Lose"
- 7.46 AZAN ISYAK
- 7.50 COVER UP — sambungan
- 8.15 WARTA BERITA
- 8.35 ACARA KEMUNCAK UPACARA PEMBUKAAN RASMI PESTA SUKAN MERDEKA.
- 9.30 MILK CUP FINAL (Siaran Langsung dari kompleks Stadium Wembley)
- 11.15 CHIEF Bhg VI (Siri terakhir).
- 12.00 SIARAN TAMAT.

HARI ISNIN 25 MAC

PETANG

- 4.15 PEMBUKAAN
- 4.17 AL-QURAN DAN MARI KITA BERDOA
- 4.27 SUSUNAN RANCANGAN
- 4.30 TOM FOOLERY SHOW
- 5.00 SMURFS
- 5.30 SURVIVAL SPECIAL :
"A Season In The Sun"
Afrika Timur ada dua musim — basah dan kering. Apabila bumi kering setelah musim hujan berbagai binatang seperti gajah hingga kepada katak dan siput mula menyesuaikan diri untuk hidup. Filem ini memaparkan keadaan musim panas yang berpanjangan menjadi kemarau yang membuat tasik-tasik kering dan apabila musim hujan akan memenuhi kembali tasik-tasik itu.

- 6.00 BERITA AWAL
- 6.05 SURVIVAL SPECIAL — sambungan
- 6.25 TEKA TEPAT
- 6.35 AZAN MAGHRIB
- 6.45 TEKA TEPAT — sambungan

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
- 7.15 T. J. HOOKER :
"Hooker's Run"
- 7.46 AZAN ISYAK
- 7.50 T. J. HOOKER — sambungan
- 8.15 WARTA BERITA
- 8.35 LAPORAN PESTA SUKAN MERDEKA
- 9.35 FALCON CREST : "Strangers"
Suasana pagi sungguh tenteram dan bersinar. Angela melihat tajuk berita dari The New Globe mengenai kemalangan udara di Colorado.
- 10.25 PERLAWANAN BOLASEPAK PESTA SUKAN MERDEKA
- 12.10 SIARAN TAMAT.

HARI SELASA 26 MAC

PETANG

- 4.15 PEMBUKAAN
- 4.17 AL-QURAN DAN MARI KITA BERDOA
- 4.27 SUSUNAN RANCANGAN
- 4.30 LUCKY LUKE
- 5.00 WILDLIFE ON ONE :
"A Touch Of The Butterflies"
Di London Butterfly House berbagai jenis kupu-kupu dipelihara dan membiak. Kebanyakan dari kupu-kupu itu didatangkan dari Cameron Highlands, Malaysia. Dalam rancangan ini kita menyaksikan kelakuan kupu-kupu di samping meneliti kaitannya dengan manusia yang sering mempengaruhi di antara satu sama lain.
- 5.30 JOHAN AND PEWIT
- 6.00 BERITA AWAL
- 6.05 NATIONAL GEOGRAPHIC
- 6.34 AZAN MAGHRIB
- 6.44 NATIONAL GEOGRAPHIC — Sambungan


MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
- 7.15 THE MASTER (NINJA) :
"A Place To Call Home"
- 7.45 AZAN ISYAK
- 7.49 THE MASTER — sambungan
- 8.15 WARTA BERITA
- 8.35 LAPORAN PESTA SUKAN MERDEKA
- 9.35 DYNASTY : "The Will"
- 10.20 PERLAWANAN BOLASEPAK PESTA SUKAN MERDEKA
- 12.10 SIARAN TAMAT.

Sukan

Kelolaan:
Manaf Rahman

pelita



KAMI juga ingin menyumbangkan tenaga di sukan terbesar ini sebahagian latihan yang dibuat oleh para penuntut.



BEREHAT sebentar biar pun sudah letih dan kepanasan mereka masih ingin meneruskan latihan.

PETINJU NEGARA JALANI LATIHAN KERAS

PETINJU-PETINJU Negara Brunei Darussalam yang kini sedang membuat persiapan dengan latihan-latihan yang

paling keras sejak beberapa bulan lalu sememangnya berhasrat 'menyunting' beberapa biji pingat.

BRUNEI DARUSSALAM MASUK KUMPULAN I

NEGARA Brunei Darussalam berada dalam Kumpulan I bersama-sama dengan Filipina dan Malaysia dalam pertandingan bola tampar Pesta Sukan Merdeka.

Kumpulan II pula terdiri dari Indonesia, Thailand dan Singapura.

Sistem perlawanan bola tampar ini akan dijalankan secara liga kumpulan di mana johan dan naib johan setiap kumpulan akan memasuki peringkat separuh akhir.

Brunei Darussalam akan membuka tirai perlawanan bertemu Filipina pada 25 Mac dan Indonesia akan bertemu Thailand dalam Kumpulan II.

Pada 26 Mac Filipina akan menemui Malaysia (Kumpulan I) dan Thailand

bertemu Singapura (Kumpulan II).

Negara tuan rumah mengakhiri perlawanan kumpulan dengan menemui Malaysia pada 27 Mac dan Indonesia bertemu Singapura.

Peringkat separuh akhir akan berlangsung pada 29 Mac. Johan Kumpulan I akan bertemu naib johan Kumpulan II dan separuh akhir kedua akan menemui naib johan Kumpulan II dengan johan Kumpulan I, juga di hari yang sama.

Pertandingan akhir akan berlangsung pada 30 Mac dan sebelum itu perlawanan bagi menentukan tempat ketiga dan keempat akan dijalankan.

Kesemua perlawanan bola tampar Pesta Sukan Merdeka akan berlangsung di Pusat Belia pada sebelah pagi.

PERSIAPAN JALAN LANCAR

PERSIAPAN dan persediaan pengendalian Pesta Sukan Merdeka ini mencapai peringkat terakhir. Menjelang pembukaan rasmi sukan terbesar negara ini semua proses persiapan berjalan lancar.

Dari peringkat latihan-latihan oleh para athlit negara hinggalah kepada pengurusan-pengurusan seperti pengubahsuaian gelanggang-gelanggang termasuk membaiknya, aspek keselamatan untuk para peserta di Perkampungan sukan dan tempat-tempat yang terlibat.

Juga pengangkutan, per-

makanan, jemputan- jemputan luar negeri, pengurusan akhbar-akhbar dan media dalam dan luar negeri dan sebagainya. Kesimpulannya semua proses persiapan dari yang kecil hinggalah yang besar sudah siap sedia hanya menantikan detik bermulanya Pesta Sukan Merdeka.

Perkampungan Sukan di mana semua hampir 1,000 para athlit dari enam buah negara ASEAN berkumpul akan dibuka rasmi pada 23 Mac sehari sebelum pembukaan rasmi Pesta Sukan Merdeka dilangsungkan di Stadium Negara Hassanal Bolkiah.

Adalah difahamkan Perkampungan Sukan akan menjadi tempat terkawal dan kawalan yang ketat akan diberikan untuk kawasan tersebut yang menjadikannya tempat larangan.

Kecuali jawatan-jawatan kuasa tertinggi dan orang-orang berkenaan saja yang dibolehkan setelah mendapat pengesahan dari pegawai-pegawai keselamatan dan mereka-mereka yang ditugaskan.

Selain dari latihan-latihan oleh para athlit negara, para penuntut yang terlibat dalam membuat persembahan di hari pembukaan sukan ini juga giat mengadakan latihan.

Para penuntut yang terlibat memang merasakan jika mereka tidak dapat mewakili negara dalam acara sukan menyumbangkan tenaga melalui persembahan pun memadai.

Tidak hairanlah biarpun matahari semakin panas di sebelah pagi atau badan dan tenaga masih keletihan selepas belajar untuk memberikan persembahan yang baik dan menarik agar menjadi ristaan dan tarikan kepada mata luar.

Ertinya biar pun negara kita baru pertama kali menjadi tuan rumah dalam sukan antarabangsa biarlah negara-negara luar menyatakan kekaguman mereka atas kelancaran, kemeriahan dan menariknya acara yang dipersembahkan.



Orang ramai dijemput ke pembukaan sukan

BANDAR SERI BEGAWAN. — Bagi sama-sama merayakan dan memeriahkan Pesta Sukan Merdeka yang akan dibuka rasmi pada 24 Mac 1985 ini nanti, semua penduduk dan rakyat di negara ini adalah dijemput bagi sama-sama mengahdirinya di Stadium Negara Hassanal Bolkiah mulai jam 1.30 petang.

Orang ramai yang tidak menerima kad-kad jemputan untuk pembukaan rasmi itu, bolehlah mendapatkan pas-pas masuk secara percuma yang telah disediakan oleh pihak penganjur dari semua Ketua-ketua Jabatan, Penghulu-penghulu dan Ketua-ketua Kampung serta dari Pemimpin Persatuan dan Pertubuhan.

Dari itu semua Ketua-ketua Jabatan, Penghulu-penghulu dan Ketua-ketua Kampung serta Pemimpin Persatuan atau Pertubuhan diminta mendapatkan pas-pas tersebut dari pihak Sekretariat Pesta Sukan Merdeka untuk dibahagikan kepada kakitangan dan orang ramai.

Walau bagaimanapun sesiapa yang tidak mendapat pas-pas masuk, juga dialu-alukan datang beramai-ramai untuk sama-sama memberikan sokongan penuh terhadap Pesta Sukan Merdeka bagi memperingati Hari Kemerdekaan negara kita.

Kurang pengalaman bertanding athlit 'dingin'

— Dr. Jim Thoma

KEKURANGAN pengalaman bertanding dalam olahraga bertanding antarabangsa akan menjadi faktor utama dalam 'kedinginan' para athlit negara untuk memberikan saingan dan mengutip beberapa pingat.

Ketua jurulatih skuad olahraga kebangsaan, Dr. Jim Thoma menjelaskan bahawa para athlit telah menampakkan beberapa kemajuan setelah menjalani latihan-latihan yang sistematik sejak beberapa bulan yang lalu.

"Latihan keras itu kami gandakan dengan latihan yang berlanjutan sepanjang minggu di latihan pusat bagi memberikan mereka persediaan dan ketahanan yang cukup," jelasnya.

Peningkatan mereka itu jelas kelihatan bilamana lima rekod kebangsaan telah dipecahkan dalam latihan baru-baru ini dan yang lainnya terdapat setengah athlit yang memperbaiki rekod persendirian mereka.

Tetapi jelas Dr. Thoma kemajuan ini belum dapat

dibanggakan terutama untuk menandingi athlit-athlit negara ini yang berpengalaman dan cukup latihan dan pendedahan.

"Athlit negara masih jauh ketinggalan jika dibandingkan dengan apa yang terdapat pada negara lain dan kita memerlukan masa selama satu atau dua tahun untuk melahirkan athlit-athlit yang baik dan berkemampuan.

"Ke arah ini kamu beruraura secepat mungkin untuk mengadakan beberapa pertandingan di berbagai peringkat ke arah pencapaian matlamat tersebut," ujarnya.

Skuad olahraga negara yang mengandungi hampir 40 athlit telah menjalani latihan keras dalam acara-acara padang dan trek termasuklah buang peluru, lompat pagar, lempar piring, lontar lembing, lompat tinggi, lompat jauh dan sebagainya.

Sementara itu Awang Bob Lawson, jurulatih bahagian ketahanan dan fizikal menjelaskan yang terdapat peningkatan pada athlit negara

setelah menjalani latihan yang betul dan sistematik.

"Perkara yang penting ialah untuk mencapai kecergasan yang sepenuhnya menjelang Pesta Sukan Merdeka dan kekurangan ketahanan dan kekuatan inilah yang menjadi masalah besar kepada athlit-athlit negara," jelasnya.

Pengurus skuad olahraga Pesta Sukan Merdeka, Awang Haji Yaakub Mohammad mengharapakan yang para athlit negara tidak akan mendapat kecederaan terutama athlit-athlit harapan negara seperti Kadri dan yang lainnya.

Beliau mengakui bahawa kurangnya pengalaman akan menjadi masalah utama dalam menunjukkan prestasi yang baik dari athlit negara.

"Meskipun peluang untuk mengutip pingat begitu tipis tetapi para athlit begitu berkeyakinan untuk memberikan cabaran seberapa yang boleh kepada athlit-athlit dari negara lain seperti Malaysia, Indonesia dan Thailand," tegasnya.

JAWATAN KOSONG DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

SEBAGAI AHLI BOMBA, DI JABATAN PENERBANGAN AWAM

PERMOHONAN adalah dipelawa daripada calon-calon yang terdiri daripada rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam untuk memenuhi jawatan kosong sebagai AHLI BOMBA di Jabatan Penerbangan Awam, Kementerian Perhubungan, Negara Brunei Darussalam.

Kelayakan :

- Umur : Antara 18 hingga 28 tahun.
- Tinggi : Sekurang-kurangnya 5' 4".
- Pelajaran : Calon-calon hendaklah lulus sekurang-kurangnya Tingkatan III atau yang sebanding dengannya dan hendaklah fasih dalam Bahasa Inggeris supaya dapat melaksanakan tugas-tugas Bilik Kawalan Kecemasan. Keutamaan akan diberi kepada calon-calon yang mempunyai kelulusan pelajaran yang lebih tinggi.

d) Pemohon-pemohon hendaklah mempunyai lesen memandu Kelas III dan sebaiknya Kelas V juga. Sihat dan lulus pemeriksaan doktor.

Latihan :

Calon-calon yang berjaya dikehendaki menjalani latihan sekurang-kurangnya selama 6 bulan di Negara Brunei Darussalam. Tertaklok kepada kejayaan dalam latihan tersebut. Calon-calon mungkin diantar ke beberapa laut untuk latihan keahlian bomba (Firemanship Training) untuk membolehkan mereka memperoleh kelayakan dalam tugas-tugas penyelamat dan mencegah kebakaran kapal terbang. Setelah ditetapkan dalam jawatan masing-masing,

mereka yang telah berjaya menamatkan latihan keahlian bomba (Firemanship Training) serta memperoleh sijil kecakapan (Certificate of Competency) termasuk "Class V Driving Operation" dan menjalankan tugas-tugas "operations" sepenuhnya akan dinaikkan ketangga gaji P. 2.

Tanggagaji P. 1 EB 2 :

Rekrut \$500.00 sebulan serta elauan 'P' sebulan.

Setelah tamat tempoh perkhidmatan yang memuatkan selama 6 bulan calon-calon akan dilantik sebagai Ahli Bomba dengan gaji \$605.00 sebulan dalam tangga gaji \$605-\$885 sebulan.

Masa Bertugas :

Kakitangan yang berkhidmat dengan Perkhidmatan Bomba Lapangan Terbang dikehendaki bekerja bergilir-gilir (shift) atau pada

waktu-waktu lain yang diperlukan untuk menjamin supaya Perkhidmatan Bomba Lapangan Terbang dapat memberi khidmat yang cekap.

Seseorang pegawai yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendaklah menghantar permohonan mereka kepada Ketua Jabatannya dan Ketua Jabatan itu hendaklah menyertakan bersama-sama dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Pemohonan mestilah dipenuhi dalam dua salinan borang yang boleh didapati daripada Jabatan Perjawatan, Negara Brunei Darussalam dan borang tersebut hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat aikan dan sijil-sijil kepada Setiausaha, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Tingkat 5, Bangunan SPA, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh tutup : 15 April, 1985.
(Bilangan iklan : 46/1985)
(E/762/72).

Sebagai Jurugambar Proses Tingkat II

PERMOHONAN adalah dipelawa daripada calon-calon yang terdiri daripada rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam untuk memenuhi jawatan kosong sebagai JURUGAMBAR PROSES TINGKAT II di Jabatan Percetakan, Kementerian Undang-Undang, Negara Brunei Darussalam.

Kelayakan dan Pengalaman :
Tanggagaji : D. 1-2 EB. 3 — \$530-\$1125 sebulan.

Pemohon-pemohon mestilah mempunyai sekurang-kurangnya 3 tahun pengalaman mengendalikan repro kamera. Pengetahuan dalam kerja-kerja menyusun filem-filem merupakan satu kelebihan dan boleh membuat kerja-kerja 'colour registration' dan 'layout'. Bersedia bekerja secara bergilir-gilir (shift).

Seseorang pegawai yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendaklah menghantar permohonan mereka kepada Ketua Jabatannya dan Ketua Jabatan itu hendaklah menyertakan bersama-sama dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Pemohonan mestilah dipenuhi dalam dua salinan borang yang boleh didapati daripada Jabatan Perjawatan, Negara Brunei Darussalam dan borang tersebut hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat aikan dan sijil-sijil kepada Setiausaha, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Tingkat 5, Bangunan SPA, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh tutup : 15 April, 1985.
(Bilangan iklan : 45/1985)
(E/611/84).

PEMBANTU TEKNIK KANAN

PERMOHONAN adalah dipelawa daripada calon-calon yang terdiri daripada rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam untuk memenuhi jawatan kosong sebagai PEMBANTU TEKNIK KANAN (PEMELIHARAAN KEBUN DAN HALAMAN) di Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Kementerian Pertahanan, Negara Brunei Darussalam.

Tanggagaji : C. 2 EB. 3 — \$1,450-\$2,270 sebulan.

Kelayakan dan Pengalaman :

- Mestilah berumur tidak lebih dari 35 tahun.
- Mestilah mempunyai kelulusan HNC atau kelulusan yang sebanding dengannya dalam salah satu bidang yang berkaitan dengan —
 - Kajitumbuhan;
 - Pertanian;
 - Perkebunan (Horticulture);
 - Kehutanan;
 - Taman dan Kebun Bunga.

ATAU

- Mestilah mempunyai kelulusan OND atau kelulusan yang sebanding dengannya dalam bidang yang berkaitan dengannya seperti dalam (b) di atas dan mempunyai sekurang-kurangnya

5 tahun pengalaman bekerja dalam salah satu daripada bidang-bidang berikut dan mempunyai Laporan Prestasi Kakitangan yang memuaskan :—

- Kejuruteraan Awam;
- Kerja-Kerja Air dan/atau Parit dan Taliair;
- Kerja-Kerja Saluran Najis;
- Kejuruteraan Binaan (Structural);
- Pemeliharaan dan Pembinaan Jalan-Jalan Raya.

Seseorang pegawai yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendaklah menghantar permohonan mereka kepada Ketua Jabatannya dan Ketua Jabatan itu hendaklah menyertakan bersama-sama dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Pemohonan mestilah dipenuhi dalam dua salinan borang yang boleh didapati daripada Jabatan Perjawatan, Negara Brunei Darussalam dan borang tersebut hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat aikan dan sijil-sijil kepada Setiausaha, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Tingkat 5, Bangunan SPA, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh tutup : 15 April, 1985.
(Bilangan iklan : 44/1985)
(E/535/84).

PEMBERITAHUAN TAWARAN

PEJABAT DAERAH TEMBURONG 2/1985

PEMBORONG - pemborong adalah dipelawa menghantar tawaran harga mereka bagi "MEMBINA JALAN KECIL KAMPONG BELUNU LA-YONG."

2. Tawaran-tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat yang bertutup rapat tanpa sebarang tanda pengenalan pengirim di luar sampul surat itu kecuali ditulis dengan :—

"TAWARAN MEMBINA JALAN KECIL KAMPONG BELUNU LA-YONG."

3. Semua tawaran hendaklah dihantar dan sampai kepada :

Pengerusi Lembaga Tawaran,
Di Bangunan
Kementerian
Kewangan,
Tingkat Empat,
Jalan James Pearce,
Bandar Seri Begawan,
Negara Brunei
Darussalam.

Tidak lewat dari hari Isnin 25 Mac, 1985 jam 12.00 tengah hari. Tawaran-tawaran yang lambat sampai pada tarikh dan waktu yang tersebut tidak akan diterima.

4. Wang cagaran tawaran sebanyak \$500.00 (Lima ratus ringgit) hendaklah dibayar ke Pejabat Daerah Tutong pada bila-bila masa waktu bekerja tetapi tidak lewat dari 25 Mac, 1985. Wang cagaran itu akan dikembalikan kepada semua pemborong yang tidak berjaya, dengan cara mengembalikan resti asal cagaran itu.

5. Keterangan lengkap dan syarat/peraturan bagi pekerjaan pembinaan jalan itu bolehlah diperoleh di Pejabat Daerah Tutong pada waktu pejabat dibuka.

6. Kerajaan tidak akan terikat untuk menerima tawaran yang paling rendah atau seumpamanya.

CIVIL AVIATION DEPARTMENT MINISTRY OF COMMUNICATIONS

TENDERS are invited for the following :—

- Provision, installation, commissioning and attendance at flight trials of a solid state Very High Frequency Direction Finder System.
- Provision, installation and commissioning of a High Frequency Single Side Band Communication System.
- Provision of multichannel Recorded.

2. Tenders will be received by the Chairman Tenders Board at the 4th Floor, Jabatan Kementerian Kewangan, Jalan James Pearce, up to 12.00 noon on 1st April, 1985.

Tenders received after the said time will be rejected.
3. Tenders should be submitted in a plain sealed envelope marked :—

mitted in a plain sealed envelope marked :—

TENDER FOR THE PROVISION, INSTALLATION, COMMISSIONING AND ATTENDANCE AT FLIGHT TRIALS OF A SOLID STATE VERY HIGH FREQUENCY DIRECTION FINDER SYSTEM ETC.

Bearing no indication of the name of the tenderer.

4. Detailed Tender documents can be obtained from the Department of Civil Aviation, Ministry of Communications, Negara Brunei Darussalam upon a deposit of B\$1,000.00.

5. The Government of Negara Brunei Darussalam does not bind itself to accept the lowest or any tender.

TAWARAN BAGI MEMBEKALKAN KERTAS-KERTAS PERCETAKAN/BOARDS KEPADA JABATAN PERCETAKAN KERAJAAN KEMENTERIAN UNDANG-UNDANG NEGARA BRUNEI DARUSSALAM BAGI TAHUN 1985

I. Tawaran-Tawaran akan diterima oleh Pengerusi Lembaga Tawaran, Negara Brunei Darussalam di Kementerian Kewangan, Tingkat 4, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam sehingga 12.00 tengah hari, Hari Isnin 15 April, 1985 bagi membekalkan perkara-perkara di atas ke Jabatan Percetakan Kerajaan, Kementerian Undang-Undang Negara Brunei Darussalam bagi Pembekalan 1985.

ITEM	KETERANGAN-KETERANGAN	BAHAN	UKURAN	BANYAK
KERTAS-KERTAS/BOARDS				
1.	Independence/Orbit/Burnie/Radio Bond paper Warna (Tint) seperti berikut: a) Putih (White) — 1000 Reams b) Kalas (Pink) — 500 Reams c) Kuning (Yellow) — 500 Reams d) Biru (Blue) — 500 Reams e) Hijau (Green) — 500 Reams	60 Gsm	685x865mm	3000 Reams
2.	Goatekin Parchment Paper (UK)	160 Gsm	SRA2 (450x640mm)	50 Reams
3.	Conqueror High White Laid (UK)	100 Gsm	SRA1 (640x900mm)	200 Reams
4.	Swedish Matt Art Paper	157 Gsm	SRA1 (640x900mm)	250 Reams
5.	Keaycolour Board (UK) Crepon Snow White	250 Gsm	640x970mm	400 Packets
6.	Samuel Jones Self Adhesive Paper Cut-Back Supreme Gloss		508x762mm	100 Reams
7.	Japanese Invitation Gilt Edge Cards-Pure White	260 Gsm	176x126mm	500 Packets
8.	Kertas Kajian (Ruled Paper) (Dibungkus 1 Ream (500 Keping) satu)	60 Gsm	A4 (210x297mm)	4000 Reams

II. Tawaran yang diterima selepas dari tarikh ditutup tidak akan dilayan.

III. Semua Tawaran HENDAKLAH disertakan dengan contoh Kertas/Board, Cap atau Brand Kertas, Syarikat yang membuat serta keterangan-keterangan yang diperlukan di dalam Borang Tawaran yang disediakan. Semua Tawaran hendaklah menggunakan Borang Tawaran yang disediakan, kegagalan mengisikan keterangan-keterangan yang diperlukan tidak akan dipertimbangkan.

IV. Harga Tawaran adalah termasuk menghantar serta menyusun kertas-kertas yang dibekal ke Stor Jabatan Percetakan Kerajaan, Kementerian Undang-Undang Negara Brunei Darussalam di Lapangan Terbang Lama, Berakas, Negara Brunei Darussalam.

V. Tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang bertutup dengan tidak ada tanda-tanda sipengirim dan hendaklah dialamatkan kepada Pengerusi Lembaga Tawaran dengan menanda di sampul itu :—

PEMBEKALAN KERTAS 1985 KE JABATAN PERCETAKAN KERAJAAN, KEMENTERIAN UNDANG-UNDANG NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

VI. Borang Tawaran dan penentuan serta keterangan-keterangan lanjut boleh diperoleh dari Jabatan Percetakan Kerajaan, Kementerian Undang-Undang Negara Brunei Darussalam semasa Pejabat dibuka.

VII. Cagaran tawaran sebanyak \$3,000.00 atas nama Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam hendaklah dibayar di Pejabat Perkhidmatan Perkhidmatan Kewangan, Kementerian Kewangan, Negara Brunei Darussalam. Borang-borang tawaran cuma akan diberikan setelah wang cagaran dijelaskan dengan menunjukkan resit pembayaran dan salinan resitnya HENDAKLAH disertakan dengan tawaran yang dihidangkan. Cagaran ini akan dikembalikan kepada penawar-penawar yang tidak berjaya. Cagaran akan jua dikembalikan kepada Syarikat-Syarikat yang berjaya setelah ia habis membekalkan kertas-kertas yang ditawarkan kepadanya.

VIII. Syarikat-Syarikat yang berjaya akan mengikat kontrak dengan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam akan membekalkan kertas-kertas/Board sepanjang tahun dengan mengikut harga-harga tawaran.

IX. Syarikat-Syarikat yang berjaya adalah jua dikehendaki mengikat kontrak dan bersetuju membekalkan kertas-kertas dalam tempoh masa yang ditetapkan seperti berikut :—

- 50% dihantar dalam tempoh 75 hari dari tarikh tawaran dimaklumkan.
- 50% dihantar dalam tempoh 45 hari selepas tempoh penghantaran di atas.

X. Kerajaan berhak menolak tawaran atau mengenakan denda sebanyak \$20.00 sehari bagi pembekal yang lambat menghantar atau membatalkan kontrak dengan pembekal pada bila-bila masa tanpa notis jika tidak mengikut peraturan-peraturan yang tersebut di atas. Sebagai tambahan, Jabatan ini akan membuat laporan penuh berkenaan dengan pembekalan yang gagal ke Pengerusi Lembaga Tawaran, Negara Brunei Darussalam untuk tindakan lanjut.

XI. Syarikat yang berjaya dikehendaki menandatangani satu kontrak dengan Pengerusi Percetakan dan bersetuju mengikut syarat-syarat kontrak itu dan peraturan-peraturan Kerajaan yang berjalan pada masa ini.

XII. Kerajaan tidak terikat untuk memilih tawaran yang paling rendah atau sebarang tawaran.

KENYATAAN DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

PEMBERITAHUAN TAWARAN, JABATAN KERJA RAYA, KUALA BELAIT

SYARAT-SYARAT TAWARAN

1. TAWARAN-tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran yang terletak di Bangunan Kementerian Kewangan, Tingkat Empat, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan, tidak lewat dari jam 12.00 tengah hari, hari Isnin (pada tarikh yang ditetapkan).
2. Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.
3. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang bertutup, ditulis dengan nama Projek yang berkenaan tanpa menunjukkan identiti pemborong, dan ditujukan kepada Pengerusi Lembaga Tawaran, Bangunan Kementerian Kewangan, Tingkat Empat, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.
4. Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah dilihat dan diperolehi dari Jabatan Kerja Raya, Kuala Belait.
5. Cagaran tawaran adalah dikehendaki dan akan dikembalikan kepada setiap pemborong yang tidak berjaya setelah menghantar tawaran yang jujur (bona-fide tender).
6. Sebelum dokumen-dokumen tawaran dikeluarkan setiap pemborong dikehendaki membawa dokumen yang menunjukkan bahawa pemborong adalah yang berdaftar di Jabatan Kerja Raya dalam kelas ditetapkan.
7. Tawaran-tawaran mestilah dihantar dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah disediakan. Tawaran yang mempunyai pengecualian tidak akan dilayan.
8. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran-tawaran yang rendah atau lain-lain tawaran.

BIL: KB 30 TAHUN 1985

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "AX" untuk:

PROJEK: CADANGAN MEMBINA DEWAN UNTUK SEKOLAH MELAYU AHMAD TAJUDDIN, KUALA BELAIT.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Jabatan Kerja Raya, Kuala Belait hingga jam 4.00 petang hari Khamis 21 Mac, 1985.

Tarikh tutup: 25 Mac, 1985.

Cagaran tawaran: \$500.00.

BIL: KB 31 TAHUN 1985

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "B" untuk:

PROJEK: "PEMBINAAN 1 BLOK BERSAMBUNG (SEMI-DETACHED) KELAS 'F' IBU PEJABAT JABATAN PELAJARAN DI RAMPAYOH, ULU BELAIT."

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Jabatan Kerja Raya, Kuala Belait hingga jam 4.00 petang hari Khamis 21 Mac, 1985.

Tarikh tutup: 25 Mac, 1985.

Cagaran tawaran: \$200.00.

BIL: KB 32 TAHUN 1985

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari pemborong-pemborong Kelas "B" untuk:

PROJEK: "PENGANGKUTAN BARANG-BARANG KE DAERAH BELAIT."

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Jabatan Kerja Raya, Kuala Belait hingga jam 4.00 petang hari Khamis 21 Mac, 1985.

Tarikh tutup: 25 Mac, 1985.

Cagaran tawaran: \$200.00.

BIL: KB 34 TAHUN 1985

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "AX" untuk:

PROJEK: "CADANGAN PEMBINAAN PAGAR KESELAMATAN UNTUK GARIS SEKELILING HOSPITAL SURI SERI BEGAWAN, KUALA BELAIT."

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Jabatan Kerja Raya, Kuala Belait hingga jam 4.00 petang hari Khamis 21 Mac, 1985.

Tarikh tutup: 25 Mac, 1985.

Cagaran tawaran: \$500.00.

BIL: KB 35 TAHUN 1985

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "B" untuk:

PROJEK: "TAMBAHAN BAGI JABATAN LAUT DI TEMPAT PENARUHAN PERAHU, KUALA BELAIT."

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Jabatan Kerja Raya, Kuala Belait hingga jam 4.00 petang hari Khamis 21 Mac, 1985.

Tarikh tutup: 25 Mac, 1985.

Cagaran tawaran: \$200.00.

BIL: KB 36 TAHUN 1985

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "C" untuk:

PROJEK: MEMBUAT PEMBAHARUAN PINTU DAN JENDELA PELUNCURAN KAYU KEPADA PINTU DAN JENDELA PELUNCURAN ALUMINIUM.

Kelas 'B' No. 10, 274 & 275 — Jalan Carey

Kuala Belait.

Kelas 'B' No. 160 — Jalan Pandan Lima

Kuala Belait.

Kelas 'B' S.O. Otr. No. 83 — Batu 1,

Jalan Seria/Kuala Belait (1 Blk 6 Unit).

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Jabatan Kerja Raya, Kuala Belait hingga jam 4.00 petang hari Khamis 4 April, 1985.

Tarikh tutup: 8 April, 1985.

Cagaran tawaran: \$100.00.

BIL: KB 37 TAHUN 1985

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas 'B' untuk:

PROJEK: "MEMBAIKI DAN MENCAT LUAR DAN DALAM BARIK BALAI POLIS KELAS 'E', RUMAH AMAH DAN TEMPAT PENARUHAN GENERATOR DI KAWASAN POLIS LABI."

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Jabatan Kerja Raya, Kuala Belait hingga jam 4.00 petang hari Khamis 4 April, 1985.

Tarikh tutup: 8 April, 1985.

Cagaran tawaran: \$200.00.

BIL: KB 38 TAHUN 1985

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas 'B' untuk:

PROJEK: "MEMBAIKI DAN MENCAT KESELURUHAN LUAR DAN DALAM RUMAH-RUMAH DAN BALAI POLIS KAWASAN SERIA."

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Jabatan Kerja Raya, Kuala Belait hingga jam 4.00 petang hari Khamis 4 April, 1985.

Tarikh tutup: 8 April, 1985.

Cagaran tawaran: \$200.00.

BIL: KB 39 TAHUN 1985

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas 'C' untuk:

PROJEK: "MEMBAIKI DAN MENCAT RUMAH-RUMAH DAN BALAI DI KAWASAN STESEN POLIS, SUNGAI LIANG."

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Jabatan Kerja Raya, Kuala Belait hingga jam 4.00 petang hari Khamis 4 April, 1985.

Tarikh tutup: 8 April, 1985.

Cagaran tawaran: \$100.00.

BIL: KB 40 TAHUN 1985

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas 'B' untuk:

PROJEK: "MEMBAIKI DAN MENCAT SEMULA BANGUNAN SEKOLAH DAN RUMAH GURU-GURU S. M. RAMPAYOH, ULU BELAIT."

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Jabatan Kerja Raya, Kuala Belait hingga jam 4.00 petang hari Khamis 4 April, 1985.

Tarikh tutup: 8 April, 1985.

Cagaran tawaran: \$200.00.

BIL: KB 41 TAHUN 1985

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas 'B' untuk:

PROJEK: "MEMBAIKI DAN MENCAT SEMULA BANGUNAN SEKOLAH DAN RUMAH GURU-GURU S. M. LABI, ULU BELAIT."

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Jabatan Kerja Raya, Kuala Belait hingga jam 4.00 petang hari Khamis 4 April, 1985.

Tarikh tutup: 8 April, 1985.

Cagaran tawaran: \$200.00.

Tender Notice

Telecommunications Department Negara Brunei Darussalam

Project No. P2112

TENDERS are invited from registered Telecoms contractors with A or B classification.

2. The said tenders are for MUMONG — PENGLIMA DUCT PROVISION — CONSTRUCTION OF CONCRETE ENCASED PVC DUCT ROUTE AND MANHOLES.

3. Tenders should be placed in the Tenders Box, situated outside the office of State Financial Officer on the Ground Floor of the State Secretariat Building, Bandar Seri Begawan, not later than on Monday 1st April 1985. Tenders received after the said time will be rejected.

4. Tenders should be submitted in a plain sealed envelope marked "PROJECT 2112 — MUMONG — PENGLIMA DUCT PROVISION."

5. Detailed tender documents can be obtained from

the office of the Director of Telecommunications at Jalan Istana Darussalam, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam upon a deposit of \$500.00 (Five hundred dollars only) which will be refunded to all unsuccessful tenderers. The tender deposit will be forfeited from any tender who fails to submit a tender.

6. The Government of Negara Brunei Darussalam does not bind itself to accept the lowest or any tender.

7. Joint consultation and on site inspection of the work is a condition of tender and prospective contractors must meet with the Director's Representative at 9.00 hours on 21st March, 1985. At the Office of the Senior Telecoms Engineer, Telecom Headquarters, Kuala Belait. Tenders will not be accepted from contractors who have not attended the joint on site inspection.

Tender Notice

Telecommunications Department Negara Brunei Darussalam

TENDERS will be received by the Chairman, Tender Board at the 4th Floor, Jabatan Kementerian Kewangan, Jalan James Pearce Bandar Seri Begawan up to 12.00 noon on Monday 1st April, 1985.

2. Tenders received after the stipulated date and time will be rejected.

3. Tenders are for the supply of the following vehicles: —

LONG WHEEL BASE — 2 UNITS

LIGHT VAN — 1 UNIT

15 CWT PICKUP TRUCK — 9 UNITS

4. Approximate date of de-

livery must be stated. All prices quoted CIF.

5. Tenders should be submitted in a plain sealed envelope marked "TENDERS FOR THE SUPPLY OF VEHICLE TO TELECOMS DEPARTMENT NEGARA BRUNEI DARUSSALAM." bearing no indication of the name of the tenderer.

6. Further details may be obtained from the Office of the Director of Telecommunications at Jalan Istana Darussalam upon a deposit of \$300.00.

7. The Government of Negara Brunei Darussalam does not bind itself to accept the lowest or any tender.

PEMBERITAHUAN TAWARAN

ANGKATAN BERSENJATA DIRAJA BRUNEI

Syarat-syarat Tawaran

1. TAWARAN-tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran, di Lembaga Tawaran, Bangunan Kementerian Kewangan Tingkat 4, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan, tidak lewat dari jam 12.00 tengah hari, hari Isnin 29 April, 1985.

2. Penawar-penawar hendaklah menghadapkan tawaran-tawaran mereka dalam sampul surat biasa atau yang dikehendaki dan hendaklah ditutup. Pada bahagian atas sebelah kiri sampul surat hendaklah ditunjukkan tajuk tawaran seperti mana yang diiklankan dan tarikh tutup tawaran itu.

3. Dokumen-dokumen tawaran bolehlah diperolehi dari Pejabat Procurement, Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Bolkiah Kem, semasa hari-hari bekerja (0730-1230 dan 1400-1630 tiap-tiap hari Isnin hingga Khamis, 0730-1130 tiap-tiap hari Jumaat).

4. Contoh-contoh, katalog-katalog atau risalah-risalah adalah dikehendaki dan mestilah dihantar ke Pejabat Procurement, Bolkiah Kem, ABDB tidak lewat 3 hari selepas tarikh tawaran ditutup. Gambar-gambar biasa tidak akan dilayan.

5. Cagaran tawaran adalah dikehendaki dan akan dikembalikan kepada setiap pemborong yang tidak berjaya.

6. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam tidak akan terikat untuk menerima tawaran yang paling rendah atau mana-mana tawaran.

BIL: PROC/T/77/85

MEMBEKAL:

GOLOK TOOL

CAGARAN: \$200.00.

Bil: PROC/T/78/85

MEMBEKAL -

SANDING BELTS

CAGARAN: \$100.00.

BIL: PROC/T/79/85

MEMBEKAL:

DEXION MAXI

CAGARAN: \$100.00.

BIL: PROC/T/80/85

MEMBEKAL:

NAB SHEET

CAGARAN: \$100.00.

BIL: PROC/T/81/85

MEMBEKAL:

TOOL KIT

CAGARAN: \$200.00.

BIL: PROC/T/82/85

MEMBEKAL:

RACK WOODEN

CAGARAN: \$100.00.

BIL: PROC/T/83/85

MEMBEKAL:

ELEMENT COOKER

CAGARAN: \$100.00.

BIL: PROC/T/84/85

MEMBEKAL:

SWITH DIAMMER

CAGARAN: \$100.00.

BIL: PROC/T/85/85

MEMBEKAL:

TABEL GS

CAGARAN: \$100.00.

IKLAN LANTIKAN LIKUIDATOR

Dalam perkara Manhattan Borneo Finance And Trust Corporation Limited

[COMPANY (WINDING UP) No. 1 OF 1976]

Dalam perintah Mahkamah Tinggi bertarikh 26 Februari, 1985, Awg. James Low dan Awg. Jen Shek Voon dari Syarikat Ernst & Whinney adalah dilantik sebagai likuidator-likuidator bagi syarikat yang tersebut di atas.

Bertarikh 26 Februari, 1985.

DATO MOHD ALI SALLEH

Ketua Pendaftar

In the matter of Manhattan Borneo Finance And Trust Corporation Limited

[COMPANY (WINDING UP) No. 1 OF 1976]

By order of the High Court dated the 26th day of February, 1985 Mr. James Lo and Mr. Jen Shek Voon of Messrs Ernst & Whinney have been appointed liquidators of the above-named company.

Dated this 26th day of February, 1985.

DATO MOHD ALI SALLEH

Chief Registrar

JAWATAN KOSONG DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

DI DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA

PERMOHONAN adalah dipelawa daripada calon-calon yang terdiri dari rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam untuk memenuhi jawatan-jawatan kosong di Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Negara Brunei Darussalam.

1. PENGELOLA PERKEMBANGAN BAHASA MELAYU (Bil.: 47/1985 (1))

Tanggagaji: C. 3-4 EB.5 — \$1,990-\$2,970 sebulan.

Kelayakan dan Pengalaman:

a) Calon-calon mestilah:—

- Mempunyai kelulusan HND/Higher Diploma atau kelulusan-kelulusan yang sebanding dengannya dalam bidang yang bersesuaian yang diiktiraf oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Awam;
- Terdiri dari pegawai-pegawai dalam tanggagaji C1-2 EB 3 yang memegang jawatan-jawatan yang berkaitan dengan perkembangan Bahasa Melayu yang telah berkhidmat sekurang-kurangnya 5 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatannya serta mempunyai laporan penilaian prestasi kakitangan yang memuaskan boleh diberi pertimbangan.

Kursus Guru Ugama Di MPUSB

PERMOHONAN-permohonan adalah dipelawa daripada rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam, beragama Islam, berumur di antara 16 hingga 23 tahun; serta boleh menulis jawi dan lancar membaca Al-Quran dipelawa untuk mengikuti Kursus 'A' dan 'B' di Maktab Perguruan Ugama Seri Begawan dan hanya orang-orang yang mempunyai kelayakan dan syarat-syarat di bawah ini akan dipertimbangkan.

1. Kelayakan-kelayakan

- Kelayakan untuk Kursus 'A' adalah seperti berikut:—
 - Sijil Pelajaran Ugama (SPU) Brunei atau
 - 4 mata pelajaran Peringkat 'O' Sijil Am Pelajaran (Singapore Cambridge) atau (Brunei Cambridge) dua daripadanya Pengetahuan Ugama Islam dan Bahasa Melayu;
 - Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dengan syarat mendapat kelulusan dalam mata pelajaran Pengetahuan Ugama Islam dan Bahasa Melayu;
 - Mana-mana sijil dan kelulusan yang sebanding dengan sijil-sijil di atas.
- Kelayakan untuk Kursus 'B' adalah seperti berikut:—
 - Sekurang-kurangnya mempunyai Sijil Rendah Pelajaran Brunei (SRPB) atau yang sebanding dengannya dengan syarat lulus dalam pengetahuan Ugama Islam dan Bahasa Melayu atau (Pemohon-pemohon dari Sekolah-sekolah bukan aliran Ugama hendaklah mempunyai kelulusan Darjah VI Ugama).

2. Syarat-Syarat

- Pemohon-pemohon yang dipertimbangkan akan dipilih menerusi satu temuduga;
- Pemohon-pemohon yang berjaya hendaklah terlebih dahulu lulus peperiksaan kesihatan daripada pegawai perubatan Kerajaan;
- Pemohon-pemohon yang berjaya dikehendaki menandatangani satu Surat Perjanjian dengan Kerajaan Brunei Darussalam untuk mematuhi syarat-syarat berikut:—
 - Tidak akan berkahwin semasa dalam latihan;
 - Mereka atau penjamin mereka dikehendaki membayar balik dengan sepenuhnya semasa perbelanjaan jika mereka berhenti semasa dalam latihan;
 - Mereka sanggup berkhidmat dengan Jabatan Hal Ehwal Ugama, Negara Brunei Darussalam sekurang-kurangnya lima tahun selepas tamat latihan.
- Pemohon-pemohon yang berjaya akan mengikuti kursus selama tiga tahun atau lebih.

3. Elaun

- Semasa dalam latihan semua pemohon yang diterima masuk akan menerima elaun seperti berikut:—

Bagi Kursus 'A'	
Bagi Tahun Pertama	\$290.00 sebulan
Bagi Tahun Kedua	\$290.00 sebulan
Bagi Tahun Ketiga	\$315.00 sebulan
Bagi Kursus 'B'	
Bagi Tahun Pertama	\$170.00 sebulan
Bagi Tahun Kedua	\$170.00 sebulan
Bagi Tahun Ketiga	\$180.00 sebulan
- Semua penuntut-penuntut yang berjaya dalam latihan tiga tahun akan dimasukkan ke dalam tingkatan gaji yang sama dengan guru lain yang mempunyai kelulusan yang sejajar seperti berikut:—
 - Kursus 'A' — G.2 — \$1050-\$1645 EB 1695-\$2165
 - Kursus 'B' — G.1 — \$605-\$1530 EB \$1590-\$1770

4. Borang-borang Permohonan

Boleh didapati daripada Maktab Perguruan Ugama Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam Batu 14, Jalan Tutong, Bandar Seri Begawan dan hendaklah diisikan dalam tiga salinan dan mestilah dikembalikan dan sampai kepada Pengetua Maktab Perguruan Ugama Seri Begawan tidak lewat dari 15 April, 1985.

5. Borang-borang yang lewat diterima dari tarikh yang telah ditetapkan tidak akan dilayan.

- Mempunyai minat dalam membuat penyelidikan dan penulisan mengenai bahasa;
- Berkebolehan membaca dan menulis jawi dengan baik serta berpengetahuan baik dalam hal-ehwal tulisan jawi;
- Berkebolehan menguasai Bahasa Inggeris. Menguasai satu Bahasa ketiga merupakan satu keutamaan;
- Mempunyai pengalaman dalam kursus intensif pengajian Melayu yang berkaitan dengan bahasa dari University yang diiktiraf, merupakan satu kelebihan.
- Mempunyai sifat kepimpinan yang baik;
- Bersedia bertugas di luar pejabat apabila dikehendaki.

2. PENOLONG KETUA PERPUSTAKAAN (Bil.: 47/1985 (2))

Tanggagaji: C. 3-4 EB.5 — \$1,990-\$2,970 sebulan.

Kelayakan dan Pengalaman:

- Mempunyai kelulusan Diploma in Higher Education (Library Studies) atau Diploma Sains Perpustakaan atau kelulusan-kelulusan yang sebanding dengannya di dalam bidang perpustakaan yang diiktiraf oleh Kerajaan.
- Lulus peperiksaan tahun kedua dalam kursus Ijazah Sarjana Muda dalam bidang perpustakaan dan mempunyai tidak kurang satu tahun pengalaman kerja perpustakaan.
- Terdiri dari Pegawai Perpustakaan Kanan yang telah berkhidmat sekurang-kurangnya lima tahun dan telah ditetapkan dalam jawatannya serta mempunyai laporan penilaian prestasi kakitangan yang memuaskan adalah layak untuk dipertimbangkan.

3. PENOLONG PENYUNTING (Bil.: 47/1985 (3))

Tanggagaji: D. 3 EB. 4-5 — \$900-\$1625 sebulan.

Kelayakan dan Pengalaman:

- Calon-calon mestilah mendapat kepujian dalam mata pelajaran Bahasa Melayu/Kesusasteraan Melayu di Peringkat Lanjutan dan sekurang-kurangnya 4 mata pelajaran Peringkat Biasa.
- Keutamaan akan diberi kepada pemohon-pemohon yang dapat menguasai dua bahasa iaitu Bahasa Melayu dan Inggeris dan berkebolehan membaca dan menulis jawi dengan baik;
- Berpengalaman dalam kerja-kerja penyuntingan buku-buku atau majalah-majalah atau akhbar-akhbar harian serta berbakat dalam karang-mengarang merupakan satu keistimewaan.

Seseorang pegawai yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendaklah menghantar permohonan melalui Ketua Jabatannya dan Ketua Jabatan itu hendaklah menyertakan bersama-sama dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Pemohonan mestilah dipenuhi dalam dua salinan borang yang boleh didapati daripada Jabatan Perjawatan, Negara Brunei Darussalam dan borang tersebut hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat akuan dan sijil-sijil kepada Setiausaha Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Tingkat 5, Bangunan SPA, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Peringatan

Pemohon-pemohon adalah diingatkan supaya mencatatkan bilangan iklan dan nama jawatan yang dipohonkan di dalam borang permohonan mereka. Borang permohonan tanpa catatan yang berkenaan tidak akan dilayan.

Tarikh tutup: 15 April, 1985.

(E/1903/83)

Pemberitahuan Tawaran

Jabatan Kastam Dan Eksais Diraja Brunei

TAWARAN-tawaran hendaklah dialamatkan kepada Pengerusi Lembaga Tawaran dan dimasukkan ke dalam Peti Tawaran di Tingkat 4, Bangunan Kementerian Kewangan, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam tidak lewat dari jam 12.00 tengah hari, pada hari Isnin 25 Mac, 1985 bagi membekalkan pakaian seragam kakitangan lelaki Jabatan Kastam dan Eksais Diraja Brunei seperti mana keterangan-keterangan lanjut berikut:—

- 150 pasang 'bush jeket' dan seluar bagi 50 orang Pegawai-Pegawai Kanan (3 pasang bagi setiap Pegawai);
 - 951 pasang baju panjang tangan dan seluar bagi 317 orang Pegawai-Pegawai biasa (3 pasang bagi setiap Pegawai).
- Adalah dimaklumkan kain-kain yang diperlukan bagi pakaian seragam tersebut ialah:—
- Kain untuk seluar Warna: Biru (Navy blue) Jenis kain: Dyed 100% Polyester Hisofy Suiting
 - Kain untuk baju Warna: Light cream Jenis kain: Dacron/Cotton Suiting.

2. Tawaran-tawaran ini ialah termasuk membekalkan kain dan upah menjahitnya sekali.

3. Penerangan - penerangan lanjut mengenai dengan tawaran ini boleh diperolehi daripada Jabatan Kastam dan Eksais Diraja Brunei.

4. Tawaran-tawaran yang lewat diterima dari tarikh dan waktu yang ditetapkan di atas tidak akan dilayan.

5. Semua tawaran-tawaran mestilah dimasukkan ke dalam sampul surat yang tertutup dan sampul surat tersebut hendaklah ditulis dengan:—

"SULIT — TAWARAN BAGI MEMBEKALKAN PAKAIAN SERAGAM KAKITANGAN JABATAN KASTAM DAN EKSAIS DIRAJA BRUNEI"

tanpa membubuh sebarang nama pengirim.

6. Kerajaan Negara Brunei Darussalam tidak terikat untuk menerima tawaran yang paling rendah atau sebarang tawaran.

Di Dewan Bahasa dan Pustaka

PERMOHONAN adalah dipelawa daripada calon-calon yang terdiri daripada rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam untuk memenuhi jawatan-jawatan kosong yang berikut di Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Negara Brunei Darussalam.

1. PENGARANG:

(Bil.: 52/1985 (1)).

Tanggagaji: C. 2 EB. 3 — \$1,450-\$2,270 sebulan.

Kelayakan dan Pengalaman:

- Mempunyai Diploma dalam mata pelajaran yang bersesuaian dan/atau lulus mata pelajaran Bahasa Melayu/Kesusasteraan Melayu Peringkat Tertinggi dan tiga mata pelajaran Peringkat Biasa (tidak termasuk mata pelajaran Seni Lukis) dalam Sijil Am Pelajaran; ATAU
- Mempunyai pengalaman sekurang-kurangnya 5 tahun di dalam institusi penerbitan dan penuh giat dalam kerja-kerja yang berkaitan; ATAU
- Mempunyai pengalaman sekurang-kurangnya 5 tahun dalam penulisan kreatif sastera serta esei sastera dan kebudayaan dan dapat menunjukkan karya-karya yang sudah diterbitkan.

Dapat membaca dan menulis jawi dengan baik.

2. PENOLONG PENGARANG: (Bil.: 52/1985 (2)).

Tanggagaji: D. 3 EB. 4-5 — \$900-\$1625 sebulan.

Kelayakan dan Pengalaman: a) Pemohon-pemohon mestilah lulus Peperiksaan Sijil Brunei Cambridge (Peringkat Biasa) atau sebanding dengannya dalam mata pelajaran Bahasa Melayu dan Kesusasteraan Melayu.

Satu ujian bertulis akan diberikan kepada semua calon untuk memastikan kelayakan dan pengalaman.

Seseorang pegawai yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendaklah menghantar permohonan melalui Ketua Jabatannya dan Ketua Jabatan itu hendaklah menyertakan bersama-sama dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Pemohonan mestilah dipenuhi dalam dua salinan borang yang boleh didapati daripada Jabatan Perjawatan, Negara Brunei Darussalam dan borang tersebut hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat akuan dan sijil-sijil kepada Setiausaha Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Tingkat 5, Bangunan SPA, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Peringatan: Pemohon-pemohon adalah diingatkan supaya mencatatkan bilangan iklan dan nama jawatan yang dipohonkan di dalam borang permohonan mereka. Borang permohonan tanpa catatan yang berkenaan tidak akan dilayan.

Tarikh tutup: 20 April 1985. (E/718/73).

TENDER NOTICE

ROYAL BRUNEI POLICE FORCE

TENDERS will be received by the Chairman Tenders Board Negara Brunei Darussalam.

Tenders should be placed in the Tender Box situated at:—

4th. Floor, Jabatan Kementerian Kewangan, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

By noon on the stated closing date.

2. Tender documents can be collected from:—

Head of Logistics & Procurement, Police Headquarters, Gadong, Negara Brunei Darussalam.

PEMBERITAHUAN TAWARAN

JABATAN KEMAJUAN PERUMAHAN

BIL.: JKP-3/1985

- Nama Projek: RP/PN KG. RATAIE, TEMBURONG: KERJA-KERJA INFRASTRUKTUR PERINGKAT I.
- Dokumen tawaran boleh didapati dari: Jabatan Kemajuan Perumahan, Tingkat 3, Bangunan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Kawasan Lapangan Terbang Lama.

Negara Brunei Darussalam mulai dari hari Rabu 20 hingga 30 Mac 1985.

- Kelayakan pemborong: Kelas 'A' yang berdaftar di Jabatan Kerja Raya, Negara Brunei Darussalam.
- Cagar tawaran: \$1,000.00 + \$100.00 (dokumen) + \$150.00 (pelan).
- Tarikh tutup: Hari Isnin 1 April 1985 jam 12.00 tengah hari.
- Syarat-syarat tawaran: Boleh diperolehi dari Jabatan Kemajuan Perumahan.



BANDAR SERI BEGAWAN. — Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan mengurniakan surat watahik perlantikan kepada Yang Berbahagia Dato Haji Abdullah bin Haji Mohd. Jaafar bakal Pesuruhjaya Tinggi Negara Brunei Darussalam ke Republik Singapura (gambar atas).

Majlis yang berlangsung di Balai Penghadapan Istana Nurul Iman pada petang hari Khamis lepas itu diselenggarakan

dengan upacara mengadap ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam.

Dato Haji Abdullah berkelulusan Diploma Public dan Social Administration (Torquay) dan pernah bertugas sebagai Pegawai Daerah bagi Brunei dan Muara, Belait, Tutong dan Temburong. Selain dari tugas-tugas tersebut beliau juga pernah memegang jawatan Pesuruhjaya Tanah sebelum beliau berpindah ke Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri.

DOTA PAKISTAN SEMBAHKAN SURAT TAULIAH PERLANTIKAN

BANDAR SERI BEGAWAN. — Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan menerima surat tauliah perlantikan bagi Duta Besar Istimewa dan Wakil Mutlak Pakistan ke negara ini Tuan Yang Terutama Mir Abad Hussain bertempat di Istana Nurul Iman pada hari Khamis lepas.

Sejurus selepas menyembahkan surat tauliah perlantikan di Balai Penghadapan Istana Nurul Iman, Tuan Yang Terutama kemudiannya mengadap ke hadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam.

Terdahulu sebelum menyembahkan surat tauliah perlantikan TYT telah menerima tabik hormat dari 40 orang anggota Batalion Pertama Angkatan Bersenjata Diraja Brunei di bawah perintah Lt. Rizal Fauzan.

Tuan Yang Terutama Mir Abad Hussain dilahirkan di Lahore dalam tahun 1932 mendapat pendidikan awal di Maktab Kerajaan Lahore dan mendapat ijazah sarjana muda (B.A.) dari Universiti Punjab.

Dalam tahun 1972 — 1976 beliau diangkat menjadi Ketua Mission Angkatan

Tentera Pakistan ke United Kingdom. Sementara dalam tahun 1979 beliau memasuki perkhidmatan luar negeri Pakistan dengan memegang jawatan sebagai Direktor General bagi Amerika dan Eropah Barat.

Tuan Yang Terutama juga pernah berkhidmat sebagai Direktor General (Perancangan Polisi) dalam Kementerian Hal Ehwal Pakistan ke negara ini. Beliau pernah memegang jawatan sebagai Menteri Kewangan Mutlak di Kedutaan Pakistan di Paris. Dan dalam tahun 1981 hingga 1984 beliau menjadi Timbalan Wakil Tetap Pakistan ke UNESCO.

— beliau pernah menghadiri Perhimpunan Agung Bangsa-bangsa Bersatu kali ke-35 selaku ahli perutusan Pakistan dalam tahun 1980.

Di samping itu beliau juga pernah memegang jawatan sebagai Menteri Kewangan Mutlak di Kedutaan Pakistan di Paris. Dan dalam tahun 1981 hingga 1984 beliau menjadi Timbalan Wakil Tetap Pakistan ke UNESCO.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam ketika berkenan menerima surat tauliah perlantikan Duta Besar Istimewa dan Wakil Mutlak Pakistan ke negara ini. Gambar oleh Hj. Sarbini Taha.

Lapan qari dan qariah terpilih ke peringkat akhir

KUALA BELAIT. — Lapan orang qari dan qariah telah terpilih ke peringkat akhir Pertandingan Membaca Al-Quran Bahagian Kebangsaan yang akan dilangsungkan di ibu negara bulan depan.

Qari yang terpilih ialah Awang Haji Mohd. Yusof bin Abu Bakar, Awang Haji Damit bin Haji Kawang, Awang Haji Rosli bin Haji Bolaji dan Mudim Awang Haji Mustafa bin Haji Murad, kesemuanya peserta dari Daerah Brunei-Muara.

Sementara qariah yang terpilih ke peringkat akhir ialah Dayang Hajjah Aminah bte

Siling, Dayang Hajjah Saadiah bte Haji Hussein dan Dayang Hajjah Aishah bte Haji Mustafa dari Daerah Brunei-Muara dan Dayang Hajjah Masni bte Haji Abdi Manaf dari Daerah Tutong.

Mereka telah berjaya dalam Pertandingan Membaca Al-Quran Peringkat Separuh Akhir Kebangsaan yang berlangsung selama dua malam.

Hadiah-hadiah telah disampaikan pada malam kedua pertandingan, oleh Yang Dimulikan Pehin Siraja

Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Yahya bin Haji Ibrahim, Timbalan Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama, Brunei Darussalam.



YDM Pehin Udana Khatib Ustaz Awang Haji Badaruddin bin Pengarah Haji Othman.

Dari muka 1

mempergunakan kemenangan iaitu kuasa dan sebagainya bagi mengukuhkan serta menyempurnakan pegangan mereka kepada Allah untuk tujuan-tujuan yang direndai-Nya di atas landasan dan cara yang lurus.

"Maka sesuai dengan pengajaran Allah yang dibentangkan itu, maka hendaklah kemenangan yang kita capai berupa kemerdekaan itu akan dipergunakan dengan sebaiknya bagi mengukuhkan lagi pegangan kita kepada Allah," ujar Y.D.M. Pehin.

MAKNA PEMBACAAN QURAN

Yang Dimulikan Pehin Udana Khatib Ustaz Awang Haji Badaruddin dalam ucapan perasmian malam itu juga menjelaskan bahawa terdapat dua makna mengenai pembacaan Al-Quran, iaitu pembacaan dalam makna 'tilawah' iaitu bacaan untuk merentangkan pengajaran dan menyampaikan pelajaran Al-Quran dan membacanya untuk mempelajari serta memerhatikan isinya bagi menjadi pedoman dalam segenap lapangan, dan pembacaan dalam makna 'qira'ah' iaitu pembacaan biasa.

PENGARAH PENERANGAN DILANTIK JADI AHLI MMD

BANDAR SERI BEGAWAN. — Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan melantik Yang Dimulikan Pehin Udana Khatib Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Haji Othman bagi menganggotai Majlis Mashuarat Di-Raja sebagai

'Ahli Dilantik'.

Lantikan tersebut dibuat oleh Baginda pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberikan oleh Bab 5(2) dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam dan telah disiarkan dalam Warta Kerajaan keluaran 9 Mac yang lalu.

Lantikan bagi Yang Dimulikan Pehin Udana Khatib itu bermula dari 14 Disember, 1984.

Pekerjaan atau fungsi Majlis Mashuarat Di-Raja sebagaimana yang ditetapkan oleh Bab 6(1) Perlembagaan ialah bagi menasihatkan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam berkaitan dengan menggunakan hak pengampunan dan berhubung dengan pindaan atau pembatalan sebarang kandungan Perlembagaan iaitu sebagaimana menurut Perlembagaan Bab 9

mengenai hak pengampunan dan Bab 85 mengenai pemindaan bagi Perlembagaan.

Dan tertakluk kepada Undang-Undang Bertulis, Majlis Mashuarat Di-Raja juga berfungsi menasihatkan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam tentang lantikan orang-orang ke pangkat-pangkat, gelaran-gelaran, kehormatan-kehormatan dan kebesaran adat istiadat Melayu dan menentukan pekerjaan yang berhubung dengannya.

Begitu juga, Majlis Mashuarat Di-Raja juga berfungsi menjalankan lain-lain pekerjaan yang diberi kepadanya oleh mana-mana Undang-Undang Bertulis atau oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam. — MSAL.

Jawatan Setiausaha Tetap I dan II diubah

PADA menjunjung titah perintah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Hassanul Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam maka adalah dengan ini dimaklumkan

bahawa jawatan-jawatan Setiausaha Tetap I dan Setiausaha Tetap II di Kementerian Pembangunan adalah dengan ini masing-masing dikenali sebagai Setiausaha Tetap (Pentadbiran) dan Setiausaha Tetap (Teknikal).